


Jilid II
Bil. 42



Hari Selasa
2hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4429]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4452]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4452]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N., (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TFIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelevu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISAMIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 2hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TEMPAT LETAK KERETA DI
MELAKA**

1. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) mengapa Yunit Perancang Ekonomi menolak permohonan yang dibuat oleh Perbandaran Melaka untuk membina tempat meletak kereta enam tingkat (akhirnya akan menjadi tempat meletak kereta sepuluh tingkat) bernilai sejuta ringgit berhampiran dengan Pasar Pusat kerana:

(i) projek tersebut ialah satu projek yang viable kerana dengan pungutan daripada letak kereta, pinjaman tersebut boleh dibayar balik dalam satu jangka masa yang tertentu;

(ii) kesegaran projek tersebut ialah untuk melegakan kesesakan lalu-lintas di bandar Melaka kerana pada setiap penghujung minggu dan pada hari-hari kelepasan kesesakan lalu-lintas di pusat bandar tersebut mengakibatkan kenderaan-kenderaan tidak dapat bergerak kerana bertambahnya lalu-lintas lebuhraya Utara-Selatan;

(b) samada rayuan pihak Perbandaran Melaka terhadap penolakan YPE itu akan ditimbang dengan simpati memandangkan kepada hakikat iaitu pihak Perbandaran bukan meminta pemberian tetapi pinjaman untuk sebuah projek yang bukan sahaja viable

dari segi ekonomi tetapi diperlukan dengan segera untuk mengatasi masaalah perhubungan yang amat rumit di Bandar Melaka.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, projek tempat meletak kereta enam tingkat di Melaka itu tidak sempat dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, agensi-agensi Kerajaan Pusat akan membincangkan projek itu dengan Kerajaan Negeri Melaka untuk mengetahui keutamaan projek itu dibandingkan dengan projek-projek lain yang telah diluluskan bagi negeri itu dan samada pembiayaan boleh didapati tanpa melebihi had peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Melaka.

TINDAKAN TATATERTIB

2. Datuk Albert Mah bertanya kepada Perdana Menteri bilangan kes-kes tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan selain daripada ahli-ahli pasukan-pasukan keselamatan kerana kelalaian dan kurang cekap menjalankan tugas bagi tahun-tahun 1975 dan 1976.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes-kes tindakan tata-tertib yang telah diambil terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan selain daripada Ahli-ahli Pasukan Keselamatan kerana kelalaian dan kurang cekap menjalankan tugas ialah seperti berikut:

Tahun 1975

1. Kumpulan Pengurusan dan Iktisas	...	...	...	34
2. Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas	...	...	...	275
3. Kumpulan Perkeranian dan Teknik	...	...	...	175

4. Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar ...	485
JUMLAH ...	969

Tahun 1976

1. Kumpulan Pengurusan dan Iktisas	8
2. Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas	35
3. Kumpulan Perkeranian dan Teknik	114
4. Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar ...	451
JUMLAH ...	608

Bilangan yang disebutkan itu ialah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang bertugas di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan sahaja dan tidak termasuk perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, Perkhidmatan Keretapi, Perkhidmatan Pelajaran dan Badan-badan Berkanun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya, ada satu kesilapan dalam bahagian (a) iaitu angka "166" dan bukannya "116"—barangkali ini kesilapan menaip.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Di baris yang kedua "166"?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik.

PEMBEKALAN KAPAL "FAST STRIKE JENIS SPICA-M"

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(a) samada benar Kementerian Pertahanan telah bersetuju membayar 30% daripada harga kontrak sebanyak \$116 juta bagi empat buah kapal "Fast Strike jenis SPICA-M" sebaik sahaja menandatangani kontrak iaitu \$50 juta; 15%

daripada harga kontrak sebaik sahaja "keel" kapal pertama siap dibina dan 10 lagi apabila "keel" kapal kedua siap dibina;

(b) tarikh cengkeraam sebanyak \$50 juta dibayar kepada limbungan Swedish yang membina SPICA-M;

(c) sebab-sebab Kementerian Pertahanan bersetuju kepada syarat-syarat pembayaran seumpama itu yang bererti Kerajaan terpaksa membayar 55% daripada \$166 juta itu dalam tempoh masa setahun dari hari menandatangani kontrak tersebut sedangkan kapal-kapal tersebut hanya akan siap dibina pada tahun 1979 dan kontrak-kontrak seumpama ini yang dibuat pada masa lampau hanya melibatkan pembayaran cengkeraam lebihkurang 10% daripada harga kontrak apabila kontrak tersebut ditandatangani.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu satu persatu sekali lagi, sukacita saya memberi penerangan ringkas mengenai pembayaran bagi pembelian kapal-kapal jenis SPICA-M itu, untuk mengelakkan bertambahnya kekeliruan dalam pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, syarat-syarat dikemukakan oleh tiap-tiap penender di dalam tender mereka dan ini termasuklah syarat-syarat pembayaran. Syarat-syarat pembayaran ini dirundingkan oleh pihak Kementerian Pertahanan dan Perbendaharaan dengan Pembekal yang berjaya sebelum kontrak berkenaan diikat. Rundingan ini hanya dibuat dengan penender yang berjaya sahaja. Setelah wang pendahuluan dipersetujui, sebagai jaminan terhadap wang pendahuluan ini, Pembekal dikehendaki mengemukakan satu jaminan bank (Bank Guarantee) daripada bank tempatan bagi nilai wang yang sama.

Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan soalan pembayaran sebanyak 30% dan membandingkannya dengan pembayaran cengkeraam lebih kurang 10% sebagaimana yang beliau katakan dibuat pada masa-masa yang lampau. Ingin saya terangkan di sini mengikut apa yang ditawarkan oleh 10 penender-penender kali ini, hanya satu penender sahaja yang mensyaratkan pembayaran pertama

sebanyak 10%. 4 di antara 10 penender-penender ini mensyaratkan pembayaran pertama sebanyak 30%. Tentang masa atau "timing" pembayaran pertama hanya satu penender sahaja yang menyatakan dengan jelasnya pembayaran dibuat selepas menandatangani kontrak; yang lainnya menyatakan pembayaran ini dibuat ketika menandatangani kontrak.

Di antara 4 penender yang telah di "shortlist" 2 di antaranya mensyaratkan pembayaran pertama sebanyak 30% dan yang rendah sekali ialah 20%. Ini bermakna tidak ada di antara mereka yang di "shortlist" ini mensyaratkan pembayaran pertama 10% atau begitu berhampiran dengannya.

Sekarang saya ingin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu satu persatu:

- (a) Kerajaan telah bersetuju membayar 20% iaitu bersamaan lebih kurang 32,842,086 ringgit daripada jumlah harga kontrak ini (iaitu bersamaan 157 juta ringgit) sebagai pembayaran pertama dalam tempoh 45 hari selepas kontrak ditandatangani. Selepas 6 bulan daripada tarikh pembayaran ini, Kementerian Pertahanan akan membuat pembayaran kemajuan berikutnya sebanyak 10% iaitu bersamaan 15.7 juta ringgit.

Kementerian Pertahanan dikehendaki membuat pembayaran seterusnya bernilai sebanyak 15% dari harga kontrak apabila "keel" kapal pertama siap dibina yang mengikut jangka masa pembinaan pihak pembekal akan dibuat selepas 12 bulan setelah kontrak ditandatangani. Bayaran 10% lagi akan dibuat apabila "keel" kapal kedua dibina dan ini dijangka selepas 13 bulan setelah kontrak ditandatangani.

Dengan ini sangkaan Ahli Yang Berhormat bahawa apa yang beliau katakan "Kementerian Pertahanan telah bersetuju membayar 30% daripada harga kontrak sebanyak 116 juta ringgit (dibaiki sekarang 166 juta ringgit) bagi 4 buah kapal Fast Strike Craft jenis SPICA-M sebaik sahaja menandatangani kontrak iaitu 50 juta ringgit" adalah tidak benar. Kementerian tidak membuat sebarang pembayaran sebaik sahaja kontrak ditandatangani. Ingin saya tegaskan di sini bahawa harga kontrak ialah bersamaan

157 juta ringgit. Soalan asal Ahli Yang Berhormat yang menyatakan 30% harga kontrak sebanyak 116 juta ringgit iaitu 50 juta ringgit ini sangatlah mengelirukan pada mulanya kerana saya dapati 30% daripada 116 juta ringgit, iaitu angka yang pada mulanya disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepatutnya ialah 34.8 juta ringgit dan jawapan ini tidak dapat diputarbelitkan menjadi 50 juta ringgit. Tetapi setelah ada penerangan tadi saya mengikut apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat sudah keliru janganlah cuba mengelirukan Dewan yang mulia ini pula.

- (b) Tidak ada sebarang "cengkeram" walau berapa sekali nilainya dibayar kepada limbungan tersebut. Jikalau pendahuluan pertama yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, ianya dibayar pada 4hb Oktober, 1976 dan nilainya ialah bersamaan 32,842,086 ringgit dan bukannya 50 juta ringgit.
- (c) Ahli Yang Berhormat telah melompat membuat keputusannya sendiri yang Kerajaan terpaksa membayar 55% daripada 166 juta ringgit iaitu angka yang diketahuinya dari punca-punca beliau sendiri sebagai jumlah nilai kontrak dalam tempoh masa setahun dari hari menandatangani kontrak dengan mengikut jadual masa pembayaran yang beliau khayalkan sendiri. Mengikut apa yang dirundingkan di antara pihak Kementerian Pertahanan dengan penender yang berjaya, mengikut jangka-masa pembinaan yang telah disyaratkan oleh pihak penender ini, pembayaran yang ketiga dan yang berikutnya akan dibuat selepas 12 bulan setelah kontrak ditandatangani. Sebarang kecepatan pembayaran, jikalau timbul nanti adalah semata-mata kerana kemajuan kerja-kerja yang menyebabkannya. Ini memang biasa dilakukan dalam mana-mana kontrak sekalipun sesuai dengan konsep "progress payment". Mengikut jadual kerja dalam kontrak ini, hanya 30% dari nilai kontrak akan dibayar dalam tempoh 1 bulan setelah kontrak ditandatangani.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sedar bahawa dalam tender-tender yang dikeluarkan baharu ini untuk membeli Fast Patrol Boat untuk Pasukan Polis Di Raja, tidak ada apa-apa peruntukan untuk membuat pembayaran down payment semacam yang ada dibuat di dalam perkara SPICA—M

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu tidak boleh bertanya kepada Timbalan Menteri Pertahanan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya ialah kenapa pihak T.L.D.M. atau MINDEF bersetuju membayar down payment apabila terdapat tender-tender lain semacam membeli beberapa buah bot untuk Polis Di Raja Malaysia di mana tidak ada peruntukan untuk membuat down payment oleh kerana pembayaran downpayment itu jumlahnya begitu besar; tentulah boleh dikecualikan bayaran down payment itu demi kepentingan Kerajaan?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jikalau boleh memangnya Kementerian tidak mahu membayar sebarang down payment. Tetapi di dalam pembelian seperti ini, pada masa-masa yang telah sudah dan pembelian yang lain sehingga ini, down payment atau pembayaran pertama ini memangnya ada dibuat dan bukannya istimewa untuk pembelian kapal ronda ini sahaja. Penender-penender yang lain juga seperti yang saya sebutkan tadi adalah berkehendakkan pembayaran pertama, samada ketika ataupun selepas menandatangani kontrak tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Berhubung dengan pembayaran pertama bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, adakah pembayaran ini dibuat dan bila dibuat?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Sudah jawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini sudah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pada 4-10-76.

Tuan Lim Kit Siang: 4-10-76 baik. Soalan tambahan. Adakah benar dalam kontrak ataupun persetujuan antara pembina kapal

SPICA—M dan pihak MINDEF, peratus down payment yang dipersetujui mula-mula nya ialah 30%. Dan oleh kerana selepas perkara ini dibangkitkan khasnya di majallah-majallah luar negeri seperti *Far Eastern Economic Review*, perkara ini saya dapat tahu telah diulang kaji dan 30% down payment ini telah dikurangkan kepada 20%. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyelesaikan perkara ini?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, tentang down payment 30% ini perlaksanaannya khususnya masa peratus pembayaran kali pertama ialah 20% dan pembayaran kali kedua 10% seperti yang saya katakan tadi adalah dibuat dalam tempoh enam bulan daripada tarikh yang 20% pembayaran pertama itu dibuat.

Jadi, kalau dipandang dari segi jumlah 30% itu pembayarannya memang boleh dianggap sebagai pembayaran pertama dan bukannya tertakluk kepada sebarang progress, tetapi hanya jadual masa yang ditentukan iaitu dalam tempoh 45 hari selepas menandatangani kontrak dan enam bulan selepasnya pembayaran 10% lagi dibuat. Jadi ini boleh dianggap sebagai pembayaran pertama kerana pembayaran yang berikutan adalah mengikut progress payment seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri belum menjawab soalan saya. Soalan saya ialah adakah benar yang mula-mulanya pembayaran pertama (down payment) atau apa nama yang disebutkan yang disetujui oleh kedua-dua pihak adalah 30%. Tetapi selepas perkara ini dibangkitkan dalam *Far Eastern Economic Review* perkara ini dikaji semula dan kadar itu diturunkan daripada 30% ke 20% seperti sekarang. Adakah ini benar?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, atas soalan samada ini dibuat selepas perkara ini dibangkitkan dalam *Far Eastern Economic Review*, ini adalah tidak benar, kerana tatkala perkara pembayaran ini dibincangkan bahawa pembayaran 30% juga dibincangkan untuk diturunkan oleh pihak yang menghadiri perundingan dengan pihak pembekal.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak cukup lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak cukup lagi. Saya sukacita mendengar kadar pembayaran telah diturunkan selepas perkara ini dibangkitkan. Saya mahu bertanya lagi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan oleh kerana perkara ini ada berkaitan dengan pembayaran keadaan-keadaan atau circumstances di mana angka-angka yang asal iaitu \$166 juta diturunkan kepada \$157 juta oleh kerana ini berkenaan dengan pembayaran bagi satu-satu bahagian (part-payment).

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi selepas menentukan manakah penender yang berjaya, jadi banyak perkara yang dirundingkan sebelum menandatangani kontrak. Umpamanya, tempat-tempat latihan, tempat-tempat tinggal bagi kelasi-kelasi yang ke sana, dan ini termasuklah tentang sebarang keturutan harga kalau dapat diminta adalah termasuk dalam rundingan yang dibuat setelah ditentukan manakah penender yang berjaya itu.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa angka yang asalnya \$166 juta telah turun kepada \$157 juta. Mengapakah beliau tidak memberi satu keterangan yang benar kepada Dewan ini dengan mengatakan harga itu telah turun supaya tidak mengelirukan Dewan ini dengan mengatakan bahawa angka ini tidak benar.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan ini ataupun bila-bila masa tidak pernah menggunakan angka tawaran \$166 juta. Yang menggunakan angka dan yang memikirkan angkanya ialah \$166 juta itu ialah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri. Angka yang saya gunakan sehingga ini sebagai angka tawaran dan angka yang digunakan sebagai jumlah harga tawaran ialah \$157 juta. Jadi, kalau ada anggapan bahawa adanya turun naik ini bukanlah datangnya daripada saya kerana saya menggunakan satu angka sahaja iaitu \$157 juta sehingga ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar angka yang diminta oleh TLDM daripada Perbendaharaan ialah angka \$166 juta dalam bulan Mei, Jun dan Julai? Adakah angka ini benar?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MENCEGAH MEMEGANG JAWATAN KERAJAAN

4. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Undang-undang menyatakan dasar dari segi undang-undang:

- (a) mencegah seseorang warganegara yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dari memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan atau menjadi calon dalam Pilihanraya; dan
- (c) mencegah seseorang warganegara yang telah didapati salah dan dihukum atas kesalahan jenayah dari memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan atau menjadi calon dalam Pilihanraya.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekiranya, seseorang pegawai Kerajaan telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tatatertib boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai tersebut dengan tujuan agar pegawai itu dibuang kerja. Ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat lagi bahawa dalam persidangan Dewan Rakyat yang lalu, Dewan ini telah meluluskan suatu pindaan terhadap Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan. Mengikut pindaan tersebut (antara lain) sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang pegawai Kerajaan yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri maka pegawai itu tidaklah berhak untuk diberi peluang membuat pembelaan di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib itu. Ini bermakna bahawa perlindungan yang diberi kepada seseorang pegawai Kerajaan di bawah Perkara 135 (2) supaya pegawai itu diberi peluang membela dirinya, tidaklah diberi kepada seseorang pegawai Kerajaan yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Seseorang warganegara yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri boleh menjadi calon dalam sesuatu Pilihanraya. Kelayakan seseorang warganegara untuk menjadi

calun adalah dinyatakan di bawah Perkara 47 dan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang warganegara itu tidak kehilangan kelayakannya semata-mata oleh kerana ia ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

- (b) Seseorang pegawai Kerajaan yang telah didapati salah atas kesalahan jenayah boleh dibuang kerja walaupun mahkamah yang membicarakan kes jenayah tersebut tidak menjatuhkan apa-apa hukuman penjara atau denda. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai tersebut oleh Pihak Berkuasa Tatatertib bagi maksud ini.

Seseorang warganegara yang telah didapati salah dihukum atas Kesalahan Jenayah tidak semestinya kehilangan kelayakannya untuk menjadi calun dalam Pilihan Raya. Hanya jika ia didapati salah dan dihukum oleh mahkamah di Malaysia dengan hukuman denda sebanyak dua ribu ringgit atau lebih, warganegara tersebut akan hilang kelayakannya untuk menjadi calun dalam Pilihan Raya selama 5 tahun. Ini adalah diperuntukkan dalam Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan kalau seorang warganegara dan kakitangan Kerajaan telah didakwa sebagai kesalahan jenayah tetapi dibuang kes atau dia dibebaskan, boleh dibuangkan kerja oleh Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan berbuat demikian, ini bukannya tidak adil dan saksama oleh kerana pegawai tersebut telah . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalnya apa?

Dr Tan Chee Khoon: Soalannya ialah kalau perkara itu terjadi, itu bukannya tidak adil dan saksama oleh sebab kes pegawai itu telah dibuang oleh mahkamah, tetapi dia dibuang kerja oleh Kerajaan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Ahli Yang Berhormat sepatutnya korek telinga sedikit supaya Yang Berhormat boleh mendengar jawapan saya. Saya tidak mengatakan seseorang itu telah dibuang kerja. Saya jawab lagi sekali. Seorang pegawai Kerajaan kerana telah didapati salah atau kesalahan jenayah boleh dibuang kerja

walaupun mahkamah membicarakan kes jenayah tersebut tidak menjatuhkan apa-apa hukuman penjara ataupun denda, bukan tak salah dibuang kes, tidak dipenjarakan atau denda misalnya cautioned, admonished and discharged atau jaminan kelakuan baik, itu maknanya tidak didenda atau tidak dipenjarakan, itu yang Kerajaan ambil tindakan buang kerja. Saya tidak mengatakan orang yang dibuang kes dibuang kerja, dengar jawapan saya dahulu, Yang Berhormat. (*Ketawa*).

PEMASARAN PERTANIAN

5. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian menyatakan samada terdapat rancangan untuk menubuhkan satu kumpulan wang galakan pemasaran bagi mengadakan pasaran terjamin kepada petani-petani atas hasil keluaran mereka dan dengan demikian menyelamatkan pertukaran wang luar.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, belum ada tabung tersebut. Tetapi FAMA adalah ditugaskan menolong pemasaran hasil-hasil pertanian dengan tujuan menolong petani-petani. Badan ini ada dengan kewangannya sendiri. Kementerian Pertanian sedang mengatur langkah-langkah praktikal untuk petani-petani kita mengeluarkan banyak atau lebih banyak lagi hasil-hasil tanaman yang boleh dikeluarkan di negara ini tetapi selama ini tidak dikeluarkan atau tidak cukup dikeluarkan dari dalam negeri untuk menggantikan impot yang selama ini menggunakan pertukaran wang asing yang disebutkan itu. Di samping itu, yang lebih daripada penggunaan dalam negeri, jika terdapat pasaran luar negeri, maka petani-petani akan digalakkan mengeluarkan hasil lebih lagi untuk eksport. FAMA telah saya arahkan mencari dan mengkaji pasaran luar negeri tersebut. Di antara tanaman-tanaman tersebut ialah kobis, cili basah dan kering, bawang besar, kopi, teh, kacang dal dan sebagainya. Kemungkinan mengeluarkan ubi kentang di dalam negeri sedang diselidiki dan dikaji dengan giatnya sekarang.

UGUTAN CUEPACS

6. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar ugutan CUEPACS

hendak mogok pada 19-10-1976 itu menyebabkan kegelisahan rakyat, jika sedar adakah beliau bercadang hendak mengharamkan tindakan mogok oleh Kesatuan Sekerja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ugutan CUEPACS hendak melancarkan mogok pada 19-10-1976 itu telah menimbulkan kegelisahan rakyat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum notis mogok yang dikemukakan oleh CUEPACS tersebut telahpun ditarik balik. Yang demikian pada peringkat ini soal tersebut tidak timbul lagi.

KERETAPI—KEMALANGAN DI LINTASAN

7. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perhubungan menyatakan akibat-akibat kerap berlakunya kejadian kematian dan lain-lain di lintasan Keretapi yang tidak bergate atau pagar biasa:

- (a) berapa banyakkah kejadian kemalangan di lintasan keretapi yang tidak bergate sehingga hari ini dan berapa banyak korban nyawa akibat dari kejadian itu;
- (b) apakah tindakan Jabatan Keretapi bagi mengatasi keadaan ini;
- (c) berapa jumlah korban nyawa akibat digelek keretapi sewaktu melintas rail biasa sehingga ke hari ini; dan
- (d) apakah tindakan Jabatan Keretapi untuk mengatasi kejadian yang sungguh malang itu.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari tahun 1973 hingga bulan Oktober, 1976 jumlah kejadian kemalangan di lintasan keretapi tanpa gate ialah sebanyak empat kejadian melibatkan tujuh orang, dua darinya membawa maut.
- (b) Pentadbiran Keretapi telah mengambil segala tindakan keselamatan untuk melindungi pengguna-pengguna lintasan-rata tanpa gate dengan mendirikan papan-papan amaran bagi menarik perhatian pengguna-pengguna jalanraya dan papan-papan yang tertentu untuk pemandu-pemandu keretapi yang menghampiri lintasan terbuka itu. Rancan-

gan bagi mengadakan gate untuk lintasan-rata-lintasan-rata terbuka adalah sedang di dalam pertimbangan Kerajaan.

- (c) Kemalangan yang berlaku akibat kecuaian menggunakan landasan keretapi dan jumlah korbannya adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kemalangan		
1973	...	...	26
1974	...	...	32
1975	...	...	30
1976 (hingga Oktober)	...	...	28
Jumlah			116

- (d) Mencegah pencerobohan ke atas landasan keretapi adalah amat sukar. Namun demikian pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah cuba sedaya upaya memberi penerangan-penerangan kepada orang awam tentang bahayanya berjalan di atas landasan keretapi.

PUSAT PERDAGANGAN DAN PER-INDUSTRIAN DI KAPIT

8. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan bagi memperbaiki pasaran kemudahan-kemudahan dalam negeri Sarawak untuk membolehkan Kapit, iaitu pusat bagi Bahagian Ketujuh dijadikan suatu kawasan perindustrian dan dapat menjalankan peranan yang sepenuhnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang itu saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak memang ada rancangan tertentu bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur di dalam negeri Sarawak, khususnya di Kapit. Selain daripada pembangunan perbandaran Kapit yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan Negeri akan menyambung pembinaan Jalan Selirik-Amak. Jalan ini akan memberi peluang kepada perluasan bandar Kapit dan pembukaan

pusat-pusat perdagangan dan kawasan-kawasan perindustrian yang baru. Selain daripada itu, jalan yang menuju ke Lapangan-terbang Kapit akan dibarubuka (resurface) dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan ini akan memberi kemudahan perhubungan kepada penduduk-penduduk tempatan yang tinggal di sepanjang jalan tersebut.

PERBELANJAAN MISSI PERDAGANGAN

9. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan butir-butir mengenai jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan dan jumlah pelaburan yang dihasilkan oleh misi perdagangan dalam tahun 1976.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, soalan Ahli Yang Berhormat ini ada sedikit yang kurang jelas, iaitu rombongan-rombongan Perdagangan yang dianjurkan oleh Bahagian Perdagangan Antarabangsa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah berbeza daripada Rombongan Pelaburan yang dikelolakan oleh LKPP (FIDA) dari Kementerian ini dari segi keahlian dan tujuan-tujuannya.

Jika dimaksudkan Rombongan-rombongan Pelaburan, ada dua Rombongan Pelaburan yang berasingan dilaksanakan tahun ini. Rombongan pertama telah dihantar pada bulan September meliputi London dan Paris dan rombongan keduanya yang berlepas ke Amerika Syarikat dan Kanada pada awal bulan lepas dijangka akan kembali tidak berapa hari lagi.

Perbelanjaan untuk menghantar Rombongan ke London dan Paris berjumlah lebih kurang \$58,000 manakala perbelanjaan untuk Rombongan ke Kanada dan Amerika Syarikat belum dapat diberikan dengan tepat tetapi dianggarkan berjumlah \$120,000.

Rombongan ke London dan Paris, hanya baru dua bulan telah berlalu dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat termaklum bahawa para pelabur perlu masa yang mencukupi untuk menjalankan kajian-kajian yang lebih mendalam ke atas cadangan-cadangan mereka sebelum membuat keputusan muktamad untuk melabur di Malaysia.

Namun demikian saya suka menyatakan semasa di Paris dan London, Rombongan itu telah menemui lebih daripada 300 usahawan-usahawan dan ahli-ahli kewangan yang telah diberi taklimat mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

Hasil daripada Rombongan Perdagangan ke Kanada dan Amerika Syarikat akan diketahui setelah rombongan itu pulang kelak.

SELAT MELAKA—CARUMAN KAPAL MINYAK

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengenakan bayaran kepada kapal-kapal yang membawa minyak yang menggunakan Selat Melaka sebagai satu langkah menghapuskan sistem ganti-rugi kerana kerosakan akibat minyak tumpah, jika ya, bilakah perbincangan-perbincangan mengenai perkara ini akan diadakan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang menimbang-perkara bayaran ataupun caruman bagi kapal-kapal minyak yang menggunakan Selat Melaka bagi menentukan yang Kerajaan akan dapat ganti-rugi yang saksama jika terjadi sesuatu kemalangan. Kementerian Perhubungan telahpun menghubungi pihak-pihak yang berkenaan dan perbincangan akan diadakan sebaik sahaja beberapa perkara detail dijelaskan.

PERSIDANGAN KEMUNCAK DI KOLOMBO—CADANGAN LAOS

11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah Kerajaan tentang pindaan yang dicadangkan oleh Laos yang secara tak langsung melahirkan bahawa Negara-negara Berkecuali menyokong pemberontakan komunis di Asia Tenggara di Persidangan Kemuncak di Colombo yang mana kedudukan di Indo-China adalah berlainan dengan negara-negara Asia Tenggara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah sama dan terkandung di dalam jawapan saya kepada soalan No. 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri. Maka saya rojokkan kepada jawapan saya itu juga.

BAYARAN PERTARUHAN \$1,500

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan membatalkan cadangan untuk mengenakan bayaran pertaruhan sebanyak \$1,500 ke atas pelajar-pelajar yang berkehendakkan sokongan untuk belajar di luar negeri kerana cadangan itu adalah satu beban yang tidak adil kerana kebanyakan daripada pelajar-pelajar telah membuktikan bahawa mereka itu adalah bertanggungjawab dan juga jaminan kewangan (financial guarantee) telah dan sedang menjadi salah satu syarat yang dituntut daripada ibubapa-ibubapa dan penjaga-penjaga oleh Kementerian Pelajaran.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada sungutan dan keluhan daripada ibubapa penuntut yang ingin belajar di luar negeri saya telah bersetuju supaya cadangan mengenakan pertaruhan wang sebanyak \$1,500 bagi seorang pelajar dibatalkan.

ORANG ASLI DI JABATAN KERAJAAN/SWASTA

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, berapa ramai golongan Orang Asli di dalam Jabatan Kerajaan dan Swasta.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Orang Asli di dalam Jabatan Kerajaan ialah seramai 1,010 orang dan Swasta berjawatan tetap seramai 413 orang.

PONDOK POLIS

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pondok Polis yang terbiar di merata tempat itu dihidupkan semula supaya dapat berkhidmat 24 jam terus-menerus siap dengan kemudahan talipon di mana maklumat yang perlu dapat disampaikan kepada Pasukan Peronda Polis bertugas.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Pondok Polis yang dinyatakan itu sebenarnya Pondok Beat. Pondok Beat ini adalah tempat perhentian bagi mata-mata

Beat sewaktu menjalankan tugas rondanya lebih kurang antara 10-15 minit sahaja. Oleh yang demikian, Pondok Beat itu tidaklah dianggotai oleh Polis 24 jam terus-menerus. Itulah sebabnya talipon tidak dipasang di pondok tersebut. Ada beberapa Pondok Beat ini terutamanya yang didirikan selepas peristiwa 13 Mei tahun 1969 didapati tidak perlu lagi untuk kegunaan yang sebenarnya.

BEKALAN LETRIK DI PASIR MAS, KELANTAN

15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan dan nama kampung-kampung di luar bandar di Kelantan khususnya di daerah Pasir Mas yang akan mendapat bekalan letrik di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat bilangan dan nama kampung-kampung di luar bandar di negeri Kelantan yang akan mendapat bekalan letrik di bawah Rancangan Malaysia Ketiga keseluruhannya. Ini ialah oleh kerana senarai kampung-kampung yang akan diberi bekalan letrik dalam tempoh tersebut sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, saya suka memberitahu bahawa dalam tahun 1976 Kementerian ini telah meluluskan sebanyak 134 buah projek bekalan letrik ke kawasan-kawasan luar bandar seluruh negeri Kelantan yang bernilai sebanyak \$3,006,000. Khususnya bagi daerah Pasir Mas sebanyak 10 buah projek telah diluluskan dalam tahun ini. Projek-projek tersebut ialah ke kampung-kampung yang berikut:

- (1) Kampung Chicha Tinggi
- (2) Kampung Bunut Susu
- (3) Kampung Kedap Rantau Panjang
- (4) Kampung Chabang Tiga Lemal Kelubok Tapah
- (5) Kampung Kangkong sambungan sehingga Batu 6
- (6) Kampung Terumbu Kangkong
- (7) Kampung Kubang Bembang ke Kampung Tong
- (8) Surau Kampung Kubang Bembang ke Kampung Belukar dan Dalam Belut

(9) Dari Kutan ke Gertak Serong Per-satuan Peladang dan

(10) Kampung Padang Hangus, Setok.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$29.8 juta telah diluluskan bagi rancangan bekalan letrik luar bandar di negeri Kelantan. Dengan ini adalah dijangka lebih banyak lagi kampung-kampung di dalam negeri ini akan diberi bekalan letrik dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini.

JIM SLATER MENGENAI SYER HAW PAR

16. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kerajaan akan menimbang meminta diserahkan Jim Slater supaya ia dapat dibawa kemuka pengadilan di dalam negeri ini kerana mencuba menipu Kerajaan dan Rakyat Malaysia di dalam mengendalikan PERNAS-HAW PAR.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang ternyata dari siaran akhbar PERNAS pada mulanya bercadang untuk membeli Syer HAW PAR tetapi cadangan itu terbuntu di peringkat perundingan sahaja. Langkah-langkah selanjutnya tidakpun diambil oleh PERNAS.

Encik Jim Slater tidak terlibat dalam hal ini dan tiada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Encik Jim Slater telah melakukan apa-apa kesalahan mengikut undang-undang. Oleh itu, soal meminta Kerajaan British menyerahkan Encik Jim Slater kepada Kerajaan Malaysia untuk dibicarakan di Mahkamah tidak timbul.

Tuan Ngan Siong Hing: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perundingan atau bukan perundingan, saya ingin tahu, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan bersetuju perkara itu adalah satu perkara yang mustahak dan saya rasa perkara ini melanggar Undang-undang Jenayah negeri ini atau dalam bahasa Inggeris: an attempt to cheat. Bagaimanakah boleh Menteri berkenaan sebutkan ini tidak atau disclose any offence.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan-nya apa?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Itu pandangannya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan perkara ini adalah melanggar dengan Undang-undang Jenayah atau dalam bahasa Inggeris: an attempt to cheat, dan saya sangatlah hairan mendengar Menteri menjawab bahawa perkara ini ada dalam perundingan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar. Ini adalah satu perkara mengikut perinsip. Jika bukan Singapura campur tangan saya rasa Menteri Kewangan sudah habis hari ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu nampaknya mengambil fikiran kalau tidak ada bukti sekalipun mesti dijalankan tindakan kepada rakyat. Kalau saya menyatakan di sini tidak ada bukti sekali pun itu pandangan dia atas dialah, tetapi saya berasa puashati Encik Jim Slater tidak ada kena-mengena dengan pembelian syer-syer PERNAS masa itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kinta jangan minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengambil tindakan walau tidak ada bukti sekalipun. Nanti merbahaya.

Tuan Ngan Siong Hing: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa lebih baik jika Menteri berkenaan melantik

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan-nya apa? Jangan memberi fikiran.

Tuan Ngan Siong Hing: Bukan fikiran, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat patut tahu ini masa soal-jawab.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya ingin tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar! Duduk dahulu! Ini masa soal-jawab, bukan memberi fikiran. Jadi, kalau bertanya apa soalan tambahannya. Jangan memberi fikiran. Tidak dibenarkan untuk memberi fikiran dan hendak menjadikan satu helah. Ini jelas dalam Peraturan Mesyuarat yang patut kita sudah tahu sekarang iaitu tidak boleh soal itu

hendak dijadikan helah untuk menimbulkan sesuatu perbahasan. Dalam Standing Orders (24 (4), saya bacakan:

“24 (4) Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.”

Sila teruskan kalau ada pertanyaan.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan melantik seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk menyiasat perkara ini untuk memastikan bahawa adakah atau tidak Jim Slater menipu Kerajaan dan rakyat Malaysia?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Membuang masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, itu soalan lain, tidak payah dijawab.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan ada berkata beliau minta bukti-bukti berkenaan dengan perkara ini. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa saham Haw Par ialah seperti empty shell. Saham sekarang baru 90 sen. Perundingan masa itu PERNAS membeli \$2.40 sen. Ini sudah jadi ada bukti attempted cheating. Perkara ini penting. Adakah Kerajaan hendak menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat perkara attempted cheating ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bukan oleh sebab tidak jadi. Kalau sudah sedar dijalankan juga maknanya bodoh (*Ketawa*). Membuang masa kalau hendak diadakan penyiasatan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, salah satu yang bodoh. Orang yang tidak faham dengan orang yang menjalankan.

Tuan Oh Keng Seng: Lambat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri kata tidak jadi perundingan itu. Jadi apa yang dibangkitkan lagi mengenai soalan itu. Salah satunya yang bodoh (*Ketawa*).

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

17. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian samada beliau sanggup membatalkan Akta Penyelarasan Perindustrian oleh sebab adanya Akta itu telah memburukkan suasana pelaburan di tanah air kita. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang untuk ambil bagi membuktikan keikhlasan Kerajaan tentang pelaburan. Nyatakan pindaan-pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian yang beliau akan bawa ke Dewan ini untuk menunaikan janji yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Menteri-menteri Kabinet yang lain kepada rakyat dalam perkara ini.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah ditegaskan beberapa kali di dalam Dewan ini bahawa Kerajaan tidak bercadang memansuhkan Akta Penyelarasan Perindustrian kerana Akta ini amatlah penting bagi Kerajaan memastikan perkembangan yang teratur di dalam sektor pengilangan selaras dengan dasar-dasar dan matlamat-matlamat Kerajaan yang ada sekarang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memang bercadang hendak membuat beberapa pindaan yang difikirkan sesuai tetapi setakat ini saya tidaklah dapat memberikan butir-butir mengenai pindaan-pindaan yang hendak dibuat kepada Akta tersebut oleh kerana pindaan-pindaan ini masih lagi di dalam kajian.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar tugas-tugas dan objektif-objektif Akta Penyelarasan Perindustrian boleh didapati di dalam beberapa Akta-akta yang sedang ada. Oleh itu, mengapakah Kerajaan berkehendak suatu Akta iaitu Akta Penyelarasan Perindustrian yang tidak diterima—saya berani menyatakan oleh kebanyakan pihak swasta di tanahair kita.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ialah mengapa Kerajaan mengintroducekan Akta ini, saya rasa itu soalan lain yang tidak ada kena-mena dengan soalan asal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Akta ini telah diluluskan oleh Dewan ini.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS INSPEKTOR POLIS

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan Polis ke atas peristiwa yang berlaku di rumah pangsa sembilan tingkat Perbandaran Melaka yang terletak di pusat bandar pada 28-9-1976 di mana seorang Inspektor Polis Kanan merampas sebatang buluh daripada seorang penjaja menjual makanan dan memukul sekurang-kurangnya enam orang awam tanpa sebarang alasan di hadapan beratus-ratus orang lain yang berkumpul di situ kerana seorang penjual barang-barang (salesman) telah meninggal dunia akibat terjatuh daripada rumah pangsa tersebut dan nyatakan apa tindakan pihak polis telah ambil untuk menghukumkan pegawai Polis tersebut yang telah melanggar undang-undang memandang kepada aduan-aduan polis yang dibuat oleh dua daripada orang yang kena pukul itu iaitu Loh Kye Chye, berumur 41 tahun, seorang ahli perniagaan dan Ong Boon Seng, berumur 15 tahun, penuntut L.C.E. yang gigi depannya patah akibat ditumbok oleh Inspektor Polis Kanan itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada aduan-aduan tersebut Polis telah membuat penyiasatan sewajarnya dan keputusan sudahpun diambil untuk mengenakan tindakan undang-undang ke atas pegawai yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mesti mengambil perhatian yang berat atas perkara-perkara seperti ini oleh kerana aduan-aduan yang menyatakan pihak Polis memukul orang ramai khususnya di dalam lokap-lokap kian bertambah dan selain daripada tindakan Polis diambil bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah tindakan departmental yang telah diambil dalam perkara ini.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian ini memandang serious supaya tindakan diambil dan departmental action akan terus diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya adakah tindakan departmental telah diambil sekarang?

Datuk Shariff Ahmad: Sedang diambil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sedang diambil. Kalau hendak ambil tindakan tata-tertib mestilah berfikir betul-betul, bukan mengikut nafsu sahaja.

PEMUDA M.C.A. PULAU PINANG MENGADAKAN WALKATHON

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak Pemuda M.C.A. di Pulau Pinang dibenarkan memungut derma untuk kolej Tunku Abdul Rahman dengan mengadakan "Walkathon" tetapi apabila Parti D.A.P. hendak memungut derma untuk sekolah-sekolah persendirian China permohonannya itu ditolak oleh pihak Polis pada 24hb Mac, 1976.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis tiada halangan terhadap permohonan Pemuda M.C.A. Pulau Pinang untuk mengadakan Walkathon itu kerana adalah dijangka Walkathon tersebut tidak menimbulkan masalah dari segi lalulintas. Pihak Polis Pulau Pinang juga tidak ada menerima permohonan hendak memungut derma untuk sekolah-sekolah persendirian China daripada D.A.P.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (1hb November, 1976).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang

dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (11b November, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat sedang bercakap atau baru bercakap selama 14 minit dan suka hendak menyambungkan ucapannya hari ini. Sila Yang Berhormat dari Tumpat.

3.20 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, usaha yang besar ialah membasmi kemiskinan samada di luar bandar ataupun di dalam bandar. Sebanyak \$7 billion telah diperuntukkan. Walaupun peruntukan ini satu peruntukan yang besar, namun hendaklah diingat bahawa tujuan yang besar ialah membasmi kemiskinan di luar bandar di mana kemudahan-kemudahan asas sangat berkurangan. Orang-orang Melayu masih lagi berpendapatan kurang dari \$100 sebulan. Mereka adalah di dalam golongan yang miskin. Berbanding dengan di bandar di mana semua kemudahan boleh didapati. Satu cara hendaklah digerakkan secara besar-besaran, seperti yang dilancarkan di dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar dahulu agar semangat ingin maju dan berlumba-lumba dapat ditanamkan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua telah berlalu. Penyertaan 30% bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian hanya mencapai 2% lebih. Pencapaian ini

sangat lambat. Ikhtiar-ikhtiar hendaklah dijalankan dengan seberapa yang boleh agar kegiatan penyertaan bumiputra dalam lapangan tersebut dapat meningkat dengan majunya. Banyak halangan yang ditempo oleh peniaga-peniaga bumiputra terutama dalam soal meminjam wang daripada Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation). Bank-bank perdagangan tidak menunjukkan minat yang begitu tinggi untuk menolong bumiputra menjalankan perniagaan. Walaupun ada beberapa pegawai yang dilantik untuk menjalankan urusan tersebut, tetapi tidak memberikan galakan. Adalah diharapkan bahawa pegawai-pegawai perisik perniagaan (business intelligence officers) daripada Bank Negara hendaklah diadakan untuk meninjau komplek-komplek yang dibuat oleh orang ramai.

Pengangguran pada hari ini ialah dalam lengkongan 7% (272,800 orang). Kita mempunyai 5 buah universiti dan mengeluarkan beribu-ribu mahasiswa setahun dalam berbagai-bagai jurusan. Untuk mengelakkan pengangguran bertambah, ada baiknya Kerajaan membersarakan pegawai-pegawai yang telah cukup umur 55 tahun tanpa sambungan. Memberikan sambungan bekerja boleh melemahkan semangat (frustration) pegawai-pegawai. Begitu juga mengambil semula pegawai-pegawai bersara diletakan di Badan-badan Berkanun adalah tidak bijak. Ini juga menutup peluang pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan itu naik pangkat. Di samping itu Kerajaan hendaklah mengkaji semula bahawa tidak seorompok pegawai-pegawai kanan diberi peranan memegang berbagai-bagai jawatan di agensi-agensi Kerajaan. Rasa saya memadailah satu jawatan untuk seorang. Ini dapat mengurangkan pengangguran secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita bukan sahaja diancam oleh kominis, malah dari Kesatuan Sekerja. Ugutan mogok dari Kesatuan Sekerja yang boleh mengancam keselamatan negara, hendaklah juga dipandang berat oleh Kerajaan. Kita tidak menapiakan tuntutan mereka. Tuntutannya, kalau boleh merosakkan negara, haruslah dipersoalkan. Apabila tuntutan gaji mereka diluluskan, maka Kesatuan Sekerja daripada sektor swasta juga akan menuntut kenaikan gaji. Apabila kedua-duanya diluluskan, harga barang-barang tetap melambung tinggi. Tetapi bagaimana dengan orang-orang yang

tak bergaji (unsalaried workers)? Seperti penanam padi, pemotong getah, penangkap ikan, penjaja-penjaja, penanam sayur, penganggur-penganggur dan sebagainya, akan lebih teruk dan menderita. Rakyat di kampung akan lebih susah. Apa yang boleh mereka lakukan, kalau pendapatannya kurang dari \$100 sebulan? Membeli buku anak-anak di sekolah dan lain-lain tak kurang dari \$40 sebulan. Bukti telah ternyata bahawa selepas implementasi Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji, harga barang-barang melambung tinggi. Ini oleh kerana wang di pasaran melemah. Saya rasa sebagai jalan keluar gaji kakitangan Divisyen IV dan IMG sahaja yang perlu dinaikkan. Manakala gaji Divisyen I, II dan III diperbetulkan, mana-mana yang terdapat anomalies. Kemudahan-kemudahan asas seperti sewa rumah, COLA (cost of living allowance), bonus, boleh ditimbangkan dengan tidak menjejaskan kewangan negara. Apabila keadaan sara hidup naik, satu penyesuaian (adjustment) boleh dibuat dengan menaikkan kemudahan-kemudahan asas tersebut. Negara jiran kita telah melakukan perkara tersebut. Ini terbukti dan lebih praktik. Saya harap Kerajaan akan lebih berhati-hati dalam melaksanakan tuntutan kenaikan gaji tersebut supaya tidak menjejaskan kedudukan rakyat ramai terutama di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menguntukkan \$2 billion untuk Pertahanan dan Polis. Ini adalah satu peruntukan yang besar. Dalam membesarkan Angkatan Tentera, kemudahan asas hendaklah diutamakan dan disediakan. Rumah dan sekolah adalah perkara utama bagi mereka. Gaji dan elaun mereka tidaklah boleh disamakan dengan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam. Kedudukan mereka selalu terancam dari musuh. Satu daripada kerunsingan mereka ialah umur bersara. Dalam lengkongan 30an, mereka masih kuat dan bertenaga. Anak-anak masih di dalam persekolahan. Ada lebih baik sekiranya Kerajaan mengkaji semula bahawa umur anggota tentera dari prebet hingga ke pegawai warren dinaikkan kepada 45 tahun. Ini bukan sahaja dapat membantu mereka, malah memberi perangsang dan semangat untuk mempertahankan tanahair, kerana di dalam lengkongan umur yang tersebut, sekurang-kurangnya anak-anak mereka telah meningkat samada di kolej ataupun di universiti, telah bekerja dan ini juga dapat meringankan beban mereka. Perkara ini hendaklah dipandang berat oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, telah kedengaran sejak akhir-akhir ini bahawa semangat dedikasi pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun telah berkurangan. Ini boleh diperhatikan di mana-mana sahaja. Kelewatan pegawai-pegawai kanan datang ke pejabat pada pukul 9.00 pagi adalah sebagai satu contoh. Pukul 9.00 pagi pegawai-pegawai masih lagi di bandar-bandar sedang kakitangan di bawahnya sudah berada di pejabat. Kerjasama ini sukar boleh didapati. Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Setiausaha, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, hendaklah mematuhi Perintah Am yang mereka sepatutnya menunjukkan contoh yang baik. Red-tape adalah satu perkara biasa. Ini juga boleh melemahkan semangat bekerja kuat dan berminat. Pegawai-pegawai ini, sekiranya didapati cuai, hendaklah dibersarakan, dengan yang demikian, akan dapat memberi peluang kepada orang lain mengambil tempatnya. Negara berkehendakkan orang-orang yang berdedikasi dan berdisiplin. Kepercayaan orang ramai (public confidence) adalah perkara utama dalam jentera Kerajaan untuk meyakinkan bahawa jentera Kerajaan adalah berjalan dengan cekap dan teratur. Adalah dicadangkan bahawa perisik-perisik hendaklah diambil untuk membuat lapuran samada mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh atau tidak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pelancungan adalah satu daripada sumber negara. Ia juga memperkenalkan Malaysia di luar negeri. Selalu didapati bahawa pelawat-pelawat luar negeri tidak begitu kenal dengan Malaysia. Rancangan membesarkan perbadanan pelancungan ini hendaklah diberi keutamaan. Beberapa daya-usaha (incentive) hendaklah dijalankan dengan membuka seberapa banyak agensi pelancungan di luar negeri. Melawat Malaysia secara kumpulan (group tours) hendaklah diutamakan. Tempat-tempat menarik hendaklah disediakan. Dengan cara ini Malaysia bukan sahaja dikenali oleh pelancung-pelancung di luar negeri, malah boleh mendapat tukaran luar (foreign exchange) di samping dapat memperkenalkan getah asli, bijih timah dan nenas yang mana menjadi eksport utama Malaysia di luar negeri. Tyre kereta adalah satu contoh. Ini dengan mudah

boleh memperkenalkan Malaysia, satu daripada pengeluaran getah asli yang terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, implementasi Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru hendaklah dijalankan dengan ber-sungguh-sungguh, dan dengan kerana ini jentera Kerajaan hendaklah bersih dari perbuatan curang dan penyelewengan dari semua sektor terutama dari badan-badan berkanun yang mempunyai anak-anak syarikat yang mengambil bahagian dalam usaha-sama (joint venture) dalam perniagaan. Jika didapati ada di antara pegawai-pegawainya yang melakukan penyelewengan dalam menjalankan tugasnya, seperti yang didedahkan oleh Samad Ismail, Pengarah Urusan, *The New Straits Times*, jika disyaki dan ada bukti, mereka itu hendaklah disingkirkan dari perkhidmatannya. Dengan cara pembersihan ini, orang ramai akan lebih yakin usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya, saya suka menekankan sekali lagi, bahawa Belanjawan yang dikemukakan ini adalah satu belanjawan yang sederhana dan balanced, yang tidak membebankan rakyat jelata di kampung. Sebaliknya, dengan pemulihan ekonomi dunia, Malaysia akan menghadapi zaman yang cerah dan menggalakkan. Kita berdoa moga-moga Malaysia akan sentiasa makmur dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan akan bekerja lebih kuat dan lebih berazam untuk meningkatkan hasil negara bagi faedah rakyat seluruhnya. Dengan ini, saya dengan sukacitanya menyokong.

3.33 ptg.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah dicemar dan dikotorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dengan mendatangkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ke atas diri saya dan Yang Berhormat sahabat saya dari Kuala Kedah.

Dalam ucapannya pada hari kelmarin ataupun pada hari semalam, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan bahawa saya adalah terlibat dalam sebuah Syarikat yang dicontrol dan difinance oleh Russia. Biarlah saya katakan dan tegaskan di sini bahawa tuduhan (allegation) itu tidak benar, tidak berasas dan saya ingin mencabar Ahli

Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya mengulangkan tuduhan seumpama itu di luar daripada Dewan ini (*Tepuk*) kerana kita tidak hendak melihat Dewan ini. Dewan Yang Mulia ini digunakan oleh Ahli-ahli yang tidak bertanggungjawab seperti Ahli dari Kota Melaka itu mendatangkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Biarlah saya beritahu kepada Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya tidak lagi menjadi Ahli ataupun Pengarah dalam Syarikat yang disebutkannya sejak tiga tahun yang dahulu. Dan kalau ada saham yang saya milik dalam Syarikat itu, saham itu telahpun saya serahkan balik, kalau nama saya di atas scrip saham itu tidak ditukar, itu bukanlah kesalahan saya. Tetapi, saya juga hairan dari manakah information ini dapat pergi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan punca-punca yang beliau dapat perkara ini. Saya yakin bahawa puncanya tidak ada lain, melainkan daripada kominis. Dan boleh jadi Ahli Yang Berhormat ada hubungan yang rapat dengan kominis. Saya meminta daripada Menteri Dalam Negeri supaya menyiasat segala tindak tanduk Ahli Yang Berhormat itu, sebab dalam ucapannya kelmarin tatkala menyalahkan saya dan sahabat saya, beliau berkata bahawa saya beria-ia benar menentang communism, tetapi akhirnya didapati terlibat di dalam Syarikat ini. Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan, adakah kami menentang kominis China, kominis Russia atau kedua-duanya?

Di dalam ucapan-ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, samada dalam Dewan ini atau di luar Dewan ini tidak pernah buat differentiate di antara Russia atau China atau Yugoslavia atau mana-mana kominis. Komini pada saya: the same—samada mereka datang dari negeri China, dari Russia, daripada atas atau dari bawah, dari kanan atau dari kiri, dari depan atau dari belakang, kominis adalah kominis, tetapi saya kurang mengerti mengapakah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini menyatakan dan membangkitkan soal kominis China dan kominis Russia. Nampaknya selain daripada mempermainkan soal communism, beliau hendak mempermainkan juga soal racial. Jadi saya fikir ini satu cara yang amat jahat yang bertujuan hendak menghancurkan negeri ini dan saya tidak pernah mendengar pemimpin-pemimpin Kerajaan bila menyebut kominis, ada berkata, kita menentang kominis China—apa yang ditentang oleh kita dan oleh Kerajaan dan Parti

adalah kominis—full stop. Tidak ada ikatan kepada satu-satu negeri yang tertentu, tetapi Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan soal China dan Russia ini apakah tujuannya? Adakah Ahli Yang Berhormat itu bermaksud hendak memberikan bayangan kepada orang ramai dalam negeri ini bahawa kita hanya menentang kominis China dan tidak menentang kominis Russia?

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta supaya dijalankan penyiasatan atas diri saya dan sahabat saya dan syarikat yang disebutkannya. Saya sendiri setelah perkara ini dibangkitkan meminta supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyiasat perkara ini dengan teliti dan membuat kenyataan kepada Dewan ini bagi membersihkan orang-orang yang tidak berdosa. Kalau saya hendak berjalan mengikut lojik dan mantik yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan oleh kerana syarikat ini dalam masa membeli minyak di Singapura dengan sebuah syarikat minyak telah dijamin oleh Bank Russia, maka dari itulah syarikat ini dikuasai oleh Russia. Sekiranya saya hendak berjalan atau hendak mengikut lojiknya ini, bolehkah kita katakan umpamanya, bahawa Kerajaan Singapura itu juga terlibat dengan kominis, sebab mengeluarkan dan memberikan lesen bank kepada Bank Russia ini? Saya tidak bersetuju dengan pendapat ini, tetapi kalau hendak mengikut lojiknya, barang siapa meminjam wang daripada Bank Russia, maka terlibatlah dia dengan kominis, dengan tidak perhati akan tindak-tanduknya, gerak-gerinya, perbuatannya, malah semata-mata hanya kerana mendapat pinjaman daripada sebuah bank yang telah dilesen oleh sebuah Kerajaan, maka orang itu hendak dicemarkan dengan tuduhan kominis. Sekali lagi saya mengulang. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyiasat perkara ini dan memberi kenyataan kepada Dewan ini supaya Ahli Yang Berhormat tidak lagi cuba mencemarkan dan mengotorkan Dewan ini dengan mendatangkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan sikap saya sendiri mengenai kominis ini, saya telah banyak kali ulangkan samada dalam Dewan dan di luar Dewan ini. Dan penentangan saya terhadap communism ialah kerana saya mempunyai keyakinan bahawa communism itu adalah satu ancaman atas akidah dan kepercayaan saya yang saya tidak sanggup hen-

dak bertolak-ansur dalam soal ini. Jadi bukanlah kerana kominis itu datang daripada satu-satu tempat yang tertentu maka saya menentangnyanya.

Sebagaimana yang saya katakan pada permulaan tadi dari mana juga datangnya communism, saya adalah menentang fahaman itu. Dan ada pula pendapat yang mengatakan bahawa dengan kita membesar-besarkan, membuat publicity, over-play berkenaan dengan bencana kominis, ini akan merosakkan dan mencederakan investment climate yang ada dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kita mati dibunuh, saudara daging kita ditembak, rakyat kita mati dibunuh oleh kominis dan itulah yang kita selalu beritahu kepada orang ramai supaya perkara ini disedari bahawa mereka mempunyai musuh, iaitu kominis. Saya tidak dapat hendak menerima bahawa apa yang Kerajaan buat pada hari ini adalah over-play, berkenaan dengan publicity kominis. Kominis sudah ada dalam negeri kita lama, dan kita telah menentang mereka lama. Tetapi investment climate tidak rosak. Investment climate tidak cedera. Sekarang walaupun investment climate tidak betul, bukannya kerana kita overplay atau melampau-lampau membuat publicity berkenaan dengan kominis. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempercayai bahawa soal menggembar-gemburkan untuk membangkitkan kesedaran rakyat berkenaan dengan bahaya kominis dan bencana kominis dalam negeri ini adalah satu perkara yang boleh merosakkan investment climate kita.

Satu lagi perkara yang saya harus sebutkan di sini, dan telah berulang-ulang kali disebutkan, dan pada tengahari tadi apakala Dewan ini dimulakan, soal empat buah kapal itu menjadi perkara lagi. Di sini saya hendak menyatakan rasa kesal saya, iaitu mengapakah kontrek kapal ini diberikan kepada negeri asing, dan dengan sebab pemberian atau pengurniaan kontrek itu kepada negara asing, menyebabkan kehilangan foreign exchange.

Keduanya, kita telah menafikan daripada negara kita ini satu peluang untuk hendak menyediakan pekerjaan kepada orang-orang kita. Kita ada shipyard kita sendiri di sini dan mengapa mesti diberikan kepada negara asing. Shipyard ini adalah satu industri yang very, very special, dia tidak membuat kain atau barang-barang yang boleh dibeli oleh sebarang orang, malahan hanya boleh dibeli

oleh Kerajaan dan badan-badan yang seumpamanya. Jadi kalau Kerajaan sendiri memberikan kontreknya kepada negara luar, bagaimanakah kita hendak menggalakkan industri dalam negeri ini. Baru semalam kita mendengar ucapan sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah yang mengatakan kita hendak kontrektor-kontrektor kita pergi mengambil tender antarabangsa di luar negeri. Kalau shipyard kita yang ada di Malaysia ini pergi keluar negeri untuk bertanding di mana-mana untuk membuat kapal-kapal seumpama ini, awal pertanyaan yang akan ditanya ialah, adakah tuan sudah biasa membuat kapal semacam ini? Negeri tuan order kapal dari mana? Dia kata dari luar negeri. Jadi polisi Kerajaan ini kadang-kadang lari; di luar negeri dia kata, hendakkan industri dalam negeri ini, dan dalam satu nafas yang lain pula dalam amalnya tidak diberi. Itu yang menjadikan saya berasa sedikit musykil berkenaan dengan perkara ini, kerana sepanjang yang saya tahu shipyard industri ini memerlukan bantuan, sokongan dan galakan daripada Kerajaan kita sendiri, kerana kalau shipyard ini sebuah kilang yang mengeluarkan kain, orang luar tak beli, kita boleh jual dalam negeri, tetapi kalau shipyard industry, saya tak fikir dapat melaksanakan perkara yang demikian itu.

Lagi satu perkara yang saya ingin sebutkan ialah berkaitan dengan soal meminta daripada Kerajaan kita supaya dibuat undang-undang menggalakkan kontrektor-kontrektor kita pergi ke luar negeri. Saya fikir pendapat ini tak sesuai, sebab Rancangan Malaysia Ketiga begitu besar, begitu hebat, projek-projek kita yang besar masih diberikan kepada kontrektor luar negeri—Korean contractors, Japanese contractors—kita punya limbungan kapal, kita punya lebuhraya Timur-Barat, siapa yang dapat kontrek itu. Juga lebuhraya Federal Highway dari Kuala Lumpur ke Airport, siapa yang dapat kontreknya. Buat apa hendak suruh kontrektor kita pergi ke luar negeri? Tender apa di sana? Cukuplah yang ada dalam negeri ini, berikanlah kepada kontrektor kita, tak payah mereka ke luar negeri. Sedangkan kita tak cukup tenaga, kita tak cukup kelengkapan untuk diri kita, kita hendak pergi tolong orang di luar negeri. It is nonsense. Pada saya pendapat seperti itu adalah nonsense, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan budget yang ada di hadapan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bagaimana yang telah dipuji-puji bahawa budget ini adalah budget yang

sederhana, tetapi bagaimanapun saya sentiasa berpendapat bahawa menyediakan sesuatu di atas kertas (planning) memang cantik, memang selalu indah, tetapi yang pentingnya ialah perlaksanaan. Saya sentiasa mengatakan bahawa tiap-tiap sesuatu itu terpulang kepada perlaksanaan dan cara-cara menjalankannya. Itu yang penting sekali. Untuk membuat planning, untuk membuat perancangan, kita boleh jemput pakar-pakar dari dalam dan dari luar negeri untuk menyediakan tetapi kalau dia menyediakan rancangan-rancangan itu hanya di atas kertas dan tak dapat diimplementasikan maka inilah kecelakaan yang besar pada negara kita. Kita akan habis masa dengan hanya membuat planning.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya ingin hendak minta perhatian di sini ialah berkenaan dengan kenyataan dan penafian saya yang saya sebut berkenaan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, saya berharap Kumpulan Akhbar *The New Straits Times* yang telah memberikan siaran prominence kepada ucapan Ahli dari Kota Melaka tadi, janganlah pula penafian saya dimasukkan ke dalam pojok yang kecil yang tak dapat dilihat. Ini satu contoh, first page dalam *Malaysian Business Times*.

Tuan Yang di-Pertua: Ada gambarkah?

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Gambar saya barangkali dia tak jumpa di officenya (*Ketawa*). Jadi saya tak mahu gambar. Kalau dia hendak siarkan pun biarlah penafian ini, saya berharap mendapat tempat yang prominent dalam suratkhbar itu, kerana ini perkara yang mustahak iaitu berkaitan dengan pihak kominis yang sangat-sangat berbahaya. Dan sekali lagi saya mengulangi supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan penyiasatan yang teliti atas Syarikat itu dan atas diri saya juga dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya diketahui bagaimanakah Ahli Yang Berhormat itu mendapat khabar-khabar dan information yang dibentangkan di dalam Dewan ini oleh kerana saya tahu information yang datang itu adalah daripada punca-punca kominis di Hongkong dan majallah yang menyiarkan perkara ini majallah yang dibiayai oleh kominis China di Hongkong. Jadi saya bimbang Ahli Yang Berhormat itu mempunyai hubungan rapat dengan Communist China, melalui agen dalam negeri atau

di Hongkong atau di China atau di Moscow atau di mana-mana juga. Saya minta penyiataan dijalankan dan meminta Menteri yang berkenaan membuat kenyataan di dalam Dewan ini bagi kepentingan rakyat dan negara seluruhnya.

4.56 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong ucapan dasar belanjawan 1977 yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini. Saya menganggap iaitu satu dasar yang meringankan beban pembayaran cukai bagi warganegara yang berpendapatan rendah. Ini menunjukkan satu perubahan yang menarik dan sesuai dengan harapan orang ramai dan selaras dengan dasar Kerajaan dalam konteks pembangunan ekonomi untuk menyusun semula masyarakat negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Menteri membuat satu-satu perubahan inginlah saya membuat teguran sedikit iaitu apabila ada perubahan dalam dasar, tentulah akan menimbulkan perubahan dalam bentuk pentadbiran. Misalnya seperti perubahan pembayaran rebat yang dicadangkan maka dengan itu tentulah Bahagian Pentadbiran Perbendaharaan dan jabatan-jabatan yang berkaitan dengannya akan membuat satu peraturan baru dan dengan itu tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan akan bertambah. Jadi ingin saya bertanya samada pihak Kerajaan khasnya Bahagian Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan yang berkaitan dengannya telah bersedia untuk menghadapi perubahan-perubahan polisi yang diumumkan oleh Menteri Kewangan itu. Sebab ada ketikanya setelah Menteri mengumumkan perubahan di dalam Dewan ini tetapi malang pelaksanaannya sehingga bertahun-tahun akan datang masih tidak dapat dilaksanakan oleh Kementerian tersebut. Jadi apa yang saya khuatirkan ialah kesulitan yang akan dihadapi oleh orang ramai sekiranya pihak Kerajaan telah melaksanakan perubahan itu, walhal Jabatan ataupun Kementerian berkenaan belum pun lagi menyediakan ataupun lengkap dengan alat dan jentera yang sepatutnya telah sedia. Jadi memandangkan perkara ini amat penting adalah menjadi harapan saya supaya perubahan ini tidak akan menyulitkan orang ramai kerana kekurangan yang terjadi ataupun yang wujud daripada pihak Kerajaan sendiri. Dan ingin-

lah saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan untuk melaksanakan perubahan yang baru ini menggunakan satu sistem yang paling moden yang sesuai dan saya berharap sistem itu ada kaitannya dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri lebih kurang sebulan yang lalu iaitu jentera (machinery) Bahagian Kewangan Perbendaharaan akan dipermodenkan. Dan saya berharap juga segala pelaksanaan itu akan dapat berjalan dengan licin dan tidak menjejaskan pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Menteri Kewangan pada kali ini iaitu dalam bidang perusahaan banyak menitik-beratkan export-orientated yang merupakan kira-kira 50% daripada KNK akan terus dikeluarkan dan diharap punca pertama pertumbuhan ekonomi 1977 adalah dijangka akan diberi terus kepada sektor eksport. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang baik yang akan mengokohkan lagi kedudukan negara kita. Jadi memandangkan keadaan negara kita pada masa yang akan datang ini mengharap ataupun yang menitikberatkan eksport bahan-bahan keluarannya, sukacitalah saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya Kementerian Luar Negeri bersama-sama mengambil berat dalam masalah ini iaitu dengan memberi arahan yang khusus ataupun yang tertentu kepada Duta-duta kita yang berada di luar negeri. Saya pernah juga menghadiri beberapa majlis di luar negeri iaitu apabila majlis-majlis ini diadakan semata-mata perjumpaan berbentuk sosial sahaja. Ingin saya mencadangkan apalah salahnya apabila negara ataupun Duta-duta kita menyambut Hari Kebangsaan Malaysia di luar negeri mengadakan juga pameran pertunjukan cara miniature segala alat-alat buatan Malaysia yang sentiasa berkembang.

Sebagai satu bukti, saya percaya ramai orang-orang di dalam negara kita sendiri dan juga kedutaan-kedutaan kita tidak sedar bawahannya ada alat-alat elektronik yang dibuat di Malaysia ini digunakan untuk penerbangan angkasa lepas iaitu di dalam bidang satellite. Misalnya alat micro circuit yang dibuat di Malaysia pada hari ini digunakan pada penerbangan satellite dan dieksport ke Amerika dan juga alat-alat buatan Malaysia juga digunakan dalam alat-alat penerbangan dan bahagian-bahagian laut yang dipanggil

alat-alat navigational aids. Di sini menunjukkan bahawa Malaysia boleh mengeluarkan alat-alat yang bermutu tinggi dan juga samada kita sedar ataupun tidak banyak komen-komen daripada pelabur-pelabur yang datang menanam modal di dalam negara kita memuji mutu pekerjaan anak-anak muda kita terutama sekali yang bekerja dalam bidang-bidang elektronik iaitu keupayaan bagus tangannya itu boleh mengeluarkan bahan-bahan yang bermutu dan apabila dibandingkan dengan kecekapan dan kebolehan mereka itu mengikut statistics yang dikeluarkan oleh Amerika sendiri iaitu kebolehan kita di sini 10% lebih baik daripada pekerja-pekerja di Amerika sendiri dalam masaalah pembinaan barang-barang elektronik. Tetapi malangnya perkara-perkara ini tidak dapat tempat ataupun tidak ramai orang yang mengetahuinya. Maka sebab itulah saya percaya selama ini negara kita selalu mengutamakan kepentingan bahagian bentuk pembuatan barang-barang dan perkilangan dan saya percaya kalaulah Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri mengambil berat sedikit atas masaalah negaranya iaitu mengadakan initiative apabila menyambut Hari Kebangsaan dan sebagainya itu mintalah alat-alat buatan Malaysia ini dipamerkan supaya apabila mereka datang minum dan sebagainya dapat melihat iaitu negara kita ini berupaya mengeluarkan bahan-bahan bagi kegunaan dunia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu cara yang saya nampak kalau kita bersungguh-sungguh hendak melaksanakan pembahagian eksport barang-barang keluar negeri dan ini adalah menjadi tanggungjawab bersama selain daripada tanggungjawab dan usaha-usaha yang diusahakan oleh bahagian perdagangan seperti badan FIDA terutama dengan Menteri Perdagangan yang selalu keluar negeri saya rasa itu tidaklah mencukupi dan ini berkehendakkan kerjasama daripada seluruh warganegara kita yang biasa keluar negeri untuk menjualkan nama baik Malaysia dan menarik perhatian supaya pelabur-pelabur luar negeri tidak lagi ragu-ragu tentang masaalah ataupun kesulitan yang ada dalam negara kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, setelah dibuat kajian dan setelah membuat beberapa temuduga beberapa orang sahabat-sahabat saya yang datang daripada luar negeri, ini yang diheboh-hebohkan oleh parti Pembangkang masaalah Akta Penyelarasan

yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dahulu dan pada hari ini nampaknya mendapat tentangan yang hebat daripada badan-badan perniagaan terutama sekali Associated Chinese Chambers of Commerce dan sehinggakan pihak Kementerian kita telah bersetuju akan membuat beberapa perubahan. Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah kepada pihak Kerajaan eloklah cepat-cepat kita membersihkan pengakuan ini, kerana akibatnya daripada sehari ke sehari saya nampak bertambah buruk. Boleh jadi pihak Kerajaan kurang menjalankan counter campaign untuk menerangkan keadaan yang sebenarnya. Apa yang saya dapat tahu apa yang ditakuti oleh pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga tempatan khususnya daripada Akta Penyelarasan ini ialah kuasa Menteri itu dan kalau ini dapat diubahsuai kan saya percaya Akta ini akan diterima dan pelabur-pelabur akan terus dapat masuk ke dalam negara kita dan akan menambahkan jumlah modal yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah bekalan wang yang dikehendaki dalam pelaburan negara kita dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga dan juga dalam Anggaran Tahun 1977 iaitu daripada lebih kurang \$18.6 ribu juta itu \$5.8 ribu juta dikehendaki wang pinjaman luar negeri. Kita semua menyedari bahawa negara kita ini masih mempunyai kedudukan credit yang terbaik dan untuk hendak mendapatkan pinjaman luar negeri itu memanglah senang. Tetapi hendaklah kita fikirkan langkah-langkah untuk mendapat pinjaman dari seberang laut mestilah juga dilakukan dengan bijak supaya pinjaman luar negeri itu tetap berada dalam lingkungan yang membolehkan kita mengekalkan kedaulatan negara. Pada lazimnya pinjaman-pinjaman dari luar negeri mempunyai ikatan-ikatan yang tertentu dan malangnya jika kita hendak mengelakkan dari ikatan-ikatan itu kita terpaksa pula bergantung kepada keadaan pasaran kewangan dunia yang memerlukan belanja yang banyak. Jadi sebahagian besar daripada pinjaman dalam negeri amatlah perlu dan akan terus didapatkan dari pertubuhan-pertubuhan dan institusi-institusi kewangan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang memainkan peranan yang penting, syarikat-syarikat insuran dan lain-lain serta dari Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya sangat tertarik hati seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan kita iaitu satu sekim yang ditubuhkan oleh Bank Simpanan Nasional untuk menolong membiayai Rancangan Malaysia Ketiga bagi faedah negara kita. Dan pengumuman Menteri Kewangan baru-baru ini bahawa Bank Simpanan Nasional akan mengadakan sekim simpanan premium adalah merupakan satu langkah bijak untuk mencapai matlamat ini. Sekim ini sudah tentu akan menarik minat semua lapisan rakyat di negara kita. Dan saya difahamkan bahawa sekim sijil simpanan premium ini akan dijual dengan harga \$10 bagi tiap-tiap satu yunit. Jumlah maksima yang boleh dilaburkan oleh tiap-tiap seseorang menerusi sekim sijil simpanan premium ini adalah \$10,000. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan satu langkah yang bertujuan untuk menepati kesanggupan dan kemampuan penyimpan-penyimpan kecil dan pertengahan di negara ini. Tetapi sekim ini tidak akan dibayar faedah kepada pelaburan menerusi sijil itu sebaliknya pembayaran penuh bagi nilai pelaburan itu adalah dijamin apabila tuntutan-tuntutan dibuat. Sungguhpun faedah tidak dibayar tetapi tiap-tiap sijil berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah selepas sesuatu tempoh tertentu. Pada mulanya Bank Simpanan Nasional akan memberi ataupun akan menawarkan hadiah-hadiah yang berharga lebih kurang \$50,000. Di samping hadiah-hadiah besar itu ada lebih 200 hadiah lain disediakan bagi tiap-tiap suku tahun. Lama kelamaan nanti hadiah-hadiah bulanan pula mungkin akan disediakan. Apabila didapati lebih ramai rakyat menyimpan dan melabur menerusi sekim yang amat menarik ini jumlah hadiah-hadiah akan ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan satu sekim yang baik dan saya berharap akan mendapat sambutan daripada orang ramai. Jika cadangan hendak mengadakan sekim simpanan premium itu dijalankan oleh Bank Simpanan Nasional dan jika rakyat memberi sambutan hangat kepada sekim simpanan ini kita harap sekim ini sekurang-kurangnya akan dapat memberi ataupun akan mengeluarkan sekurang-kurangnya \$500 juta dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekim ini adalah untuk bertujuan berkehendakkan penyertaan

rakyat dan ini adalah sesuai dengan dasar berkehendakkan penyertaan orang ramai dalam pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang disebutkan di dalam ucapan dasar Menteri Kewangan kita ialah mengenai betapa pentingnya kedudukan keselamatan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia tahu bahawa untuk menjayakan segala rancangan Kerajaan, keselamatan negara adalah memainkan peranan yang penting. Kita semua sedia maklum pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan pada ketika ini sedang menjalankan segala usaha untuk menstabilkan keselamatan negara tetapi dalam pada itu negara kita pada hari ini telah diancam oleh sejenis penyakit yang sedang merebak di seluruh negara iaitu penyalahgunaan dadah yang boleh merosakkan negara kita. Masalah penyalahgunaan dadah ini adalah ternyata dalam Laporan Ekonomi mulai muka surat 131 hingga 134. Memandangkan dari keterangan yang tersebut di dalam Laporan Ekonomi itu jelaslah bahawa penyalahgunaan dadah adalah menjadi satu unsur utama yang merbahaya kepada negara kita walaupun usaha-usaha telah dijalankan untuk mencegah penyalahgunaan dadah ini, tetapi kesannya belum nampak lagi. Rakyat Malaysia adalah sentiasa menyokong segala usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan seperti penubuhan PEMADAM dan sebagainya. Tetapi adakah Kerajaan kita sedar bahawasanya undang-undang negara kita terhadap masalah penangkapan penagih-penagih dadah ini adalah tersangat longgar. Sebagai contoh, baru-baru ini apabila telah dibuat kajian di dalam Kuala Lumpur ini sahaja telah ditangkap penagih-penagih dadah berjumlah 2,300 orang. Tetapi ditangkap pada hari ini, besok paginya lebih kurang 2,213 orang dilepaskan oleh pihak Polis. Bukan salah Polis, tetapi oleh sebab mereka ini boleh dijamin oleh keluarga mereka, oleh orang-orang yang berkenaan dan sebagainya. Penagih-penagih dadah ini keluar bebas dan mencemuh-cemuhkan pula orang-orang yang menangkap mereka.

Jadi memandang kepada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan hendaklah mengadakan satu undang-undang supaya semua

penagih dadah yang telah ditangkap ini tidak dibenarkan mendapat jaminan ataupun di dalam bahasa Inggeris dijadikan sebagai non-bailable cases. Inilah satu cara pencegahan yang akan berkesan dan yang akan menakutkan penagih-penagih tersebut, dan juga saya berharap cadangan undang-undang ini akan dilaksanakan dengan serta-merta demi untuk kepentingan negara. Juga demi untuk menguatkan semangat orang ramai yang sanggup memberi kerjasama menolong pihak Polis menangkap penagih-penagih sebab dari penangkapan penagih-penagih inilah kita boleh cari di mana puncanya mereka beli dan dari situ kita boleh terus menangkap pengedarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini apabila dibuat sesuatu tangkapan seperti yang saya terangkan tadi pihak Polis pun tidak boleh buat apa-apa dan apabila saya bertanya kepada Pegawai Polis yang menjalankan tangkapan ini pun, mereka sendiri pun rasa frustrated sebab menyediakan kes untuk hendak menangkap dan membawa mereka itu ke mahkamah memakan masa yang lama; tetapi apabila dibawa ke mahkamah ramai di antara mereka terlepas begitu sahaja. Kalau pun kena tangkap tetapi oleh sebab bukti-bukti yang tidak cukup dihukum dengan hukuman yang ringan sekali. Inilah sebabnya pada hari ini penyalahgunaan dadah ini menjadi-jadi terutama sekali di Wilayah Persekutuan dan di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masaalah yang lain pula, inginlah saya menyentuh berkenaan tanggungjawab Kesatuan Sekerja dan badan-badan yang berkaitan. Di dalam ucapan Menteri Kewangan dan di dalam Lapuran Ekonomi ini ada juga menerangkan masaalah peranan Kesatuan Sekerja (Trade Union). Sukacitalah saya mengingatkan persatuan-persatuan terutamanya kepada pemimpin-pemimpin Trade Union ini yang berada di Malaysia kita hendaklah mereka ini mengubah sikap dan konsep perjuangan mereka. Tugas Kesatuan Sekerja bukanlah semata-mata menitikberatkan dari segi pendapatan dan physical condition ataupun kemudahan-kemudahan untuk pekerja sahaja.

Saya mencadangkan supaya persatuan pekerja bersama-sama dengan pihak Kerajaan dan dengan pihak majikan bertanggungjawab untuk melatih pekerja-pekerja dalam bidang industri dalam bentuk mencapai kemahiran yang sesuai kepada kehendak zaman

teknologi kita ini. Dan juga saya sukacitalah mengingatkan perjuangan mereka itu janganlah menuntut kenaikan gaji menjadi asas yang utama, kerana kita tahu tiap-tiap kali gaji dinaikkan samada dalam bidang swasta atau Kerajaan pada pendapat saya kenaikan gajilah menjadi punca inflasi dalam negara kita. Tiap-tiap kali gaji naik tiap-tiap kali harga keperluan barang-barang naik, dan ini hendaklah diingatkan kepada persatuan-persatuan terutamanya pemimpin-pemimpin mereka itu. Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, persatuan ataupun pimpinan persatuan pekerja ataupun trade union ini hendaklah sentiasa menitik-beratkan epakaran dan kecetakan pekerja-pekerja utamakan daripada kepentingan kenaikan gaji dan sebagainya demi untuk kepentingan negara dan rakyat jelata.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan segala rancangan Kerajaan ini supaya memberi kesan dan memberi faedah kepada orang ramai, khasnya di kalangan luar bandar dan di kalangan pendapatan rendah, maka saya sekali lagi mencadangkan ataupun memohon kepada pihak Kerajaan supaya machinery Kerajaan kita ini berjalan dengan selarasnya, terutamanya sekali dalam bidang yang dipanggil planning co-ordination. Pembangunan hendaklah diperhebatkan, kerana, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu kelambatan pelaksanaan yang berlaku di dalam negara kita ini adalah merugikan kewangan Kerajaan. Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Jabatan Odit Kerajaan kita hendaklah diperkuatkan dan diberi satu kuasa supaya mereka itu dianggap ataupun boleh bertindak sebagai badan pencegah bagi pihak Kerajaan ataupun dipanggil Government watchdog agency. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya planning koordinasi ini dapatlah kita menghapuskan segala sekatan yang dipanggil red-tape pada hari ini yang kerap kali menghalang dan merugikan pembangunan. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Belanjawan Tahun 1977.

4.23 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, pada diri saya, saya menganggap bahawa jika kita hendak menilik wajar atau tidaknya sesuatu

belanjawan lebih-lebih lagi cukai yang hendak dinaik-turunkan hendaklah kita tilik daripada segi keseluruhannya. Memang susah bagi siapapun yang menjadi Menteri Kewangan untuk memuaskan hati semua peringkat masa membentangkan Ucapan Belanjawan, bukan sahaja sekarang ini, tetapi pada masa-masa yang lampau; ada sahaja pihak-pihak tidak puas hati. Dengan sebab itu, saya di samping mengalu-alukan Ucapan Belanjawan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang saya anggap pada keseluruhannya adalah memuaskan dan adil.

Saya hendak membawa perhatian pihak yang berkenaan beberapa perkara. Di dalam beliau membentangkan Ucapan Belanjawannya, iaitu pada dasarnya, beliau menyentuh bahawa tujuan cukai-cukai untuk dinaikkan dan perkara-perkara yang melibatkan dasar-dasar adalah untuk mencapai tujuan Kerajaan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi di negara kita ini. Saya berpendapat bahawa di dalam perkara-perkara yang dibentangkan oleh beliau, memang tidak banyak menyentuh dan menyakitkan pihak-pihak yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, saya mempunyai pendapat bahawa satu jenis cukai, iaitu cukai motosikal di mana beliau telah mengenakan tambahan. Sungguhpun tidak banyak, tetapi di antara 10 atau \$15, iaitu cukai jalan, adalah satu perkara yang akan membebankan orang-orang yang berpendapatan rendah. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua mengetahui bahawa orang luar bandar, pekerja-pekerja lombong, penoreh-penoreh getah, peladang-peladang adalah yang menggunakan kenaikan motosikal kerana mereka terpaksa menggunakan motosikal sebagai pengangkutan, bukan sahaja untuk mereka tetapi barang-barang mereka di jalan-jalan di mana motokar-motokar ataupun jeep tidak boleh masuk kerana keadaan jalan itu. Jadi, kalau dinaikkan, sungguhpun \$10 atau \$15 setahun, ini adalah satu bebanan kepada mereka. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengecualikan cukai jalan kepada motosikal yang c.c. nya 75 sampai 250 kerana ini akan disambut baik oleh pihak-pihak yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh berkenaan dengan cukai pendapatan. Cukai pendapatan ini, dengan rebate yang diberi, adalah wajar. Tetapi ada cara cara yang dibuat oleh jabatan yang berkenaan

di mana cukai-cukai kecil diambil berat sangat; orang yang dikenakan, katalah, cukai pendapatan setahun \$300, \$400 dan \$500 diburu, dicari, diugut. Satu-satu surat yang diterima itu, kalau misalnya orang yang sudah berumur boleh mendatangkan heart-failure, Tuan Yang di-Pertua, kerana didesak dalam 14 hari mesti membayar, kalau tidak tindakan itu diambil, tindakan ini diambil. Kebanyakan orang-orang ini bila menerima surat-surat itu memang takut kerana dia belum pernah dan jarang-jarang menerima surat-surat seumpama itu. Tetapi orang yang patut dikenakan benar-benar cukai, bukan kata \$1,000—\$2,000 setahun tetapi jutaan ringgit setahun, banyak yang lepas; banyak perkara-perkara "Pillay" yang lepas daripada perangkap Kerajaan. Jadi, saya minta kepada jabatan yang berkenaan supaya mengambil berat kepada orang-orang yang saya katakan tadi seperti kes "Pillay" di Pulau Pinang itu kerana dengan cara ini Kerajaan benar-benar, bukan sahaja dapat mengenakan cukai kepada orang-orang yang melarikan cukai, tetapi penyelewengan daripada membayar cukai ini dapat dicegah. Kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan orang-orang yang berjawatan penengahan di pihak-pihak swasta, memang senang untuk Jabatan Cukai mencukainya kerana orang-orang ini, baik satu sen pun dia terima, semua ada direkodkan; tetapi hendaklah digunakan pakar-pakar yang pandai untuk menangkap dan mengesan orang-orang seumpama "Pillay" itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh dan mengalu-alukan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dasar Kementerian untuk menggalakkan eksport. Tiap-tiap eksport mesti ada impot dan di dalam segi impot ini saya suka menyentuh satu dua perkara. Saya suka membawa perhatian Kementerian mengapakah rombongan dagang kepada negeri-negeri EEC, kepada Canton Trade Fair dan sebagainya, sesudah balik ke Malaysia hanya hampa sahaja; tidak dapat membuat hubungan dan tidak dapat mengimpot barang-barang yang benar-benar dikehendaki oleh negara ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mengerusikan Mesyuarat*)

Jawabnya senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kerana kebanyakan daripada pengeluaran-pengeluaran barang yang saya maksudkan

itu telah melantik pengedar-pengedarnya, yang letaknya di Hongkong ataupun di Singapura. Mengapa maka Kerajaan kita benarkan pengedar-pengedar barang itu ataupun wakil-wakil penjual ini duduk di Hongkong atau di Singapura mempengaruhi dan mengkongkong pasaran kita di Malaysia. Perjanjian yang dibuat, iaitu perjanjian melantik pengedar-pengedar barang ini yang dibuat oleh pengeluar, adalah satu perkara di antara mereka; tetapi apa yang patut kita buat ialah melindungi supaya jangan pengedar-pengedar daripada luar ini dapat mengkongkong dan menguasai pasaran kita dan tidak memberi peluang kepada warganegara kita untuk berkecimpung di dalam bahagian-bahagian impot sebagai pengedar-pengedar kepada pengeluar barang-barang daripada Eropah, Jepun ataupun Negeri China dan sebagainya. Singapura misalnya, bukan saya di sini menentang barang-barang Singapura dimasukkan ke Malaysia kerana Singapura pun adalah satu daripada negara-negara yang di dalam lingkungan ASEAN, tetapi apa yang saya tentang ialah barang-barang yang dikeluarkan oleh negeri-negeri seberang laut dimasukkan di Singapura dan daripada Singapura pula di re-export ke Malaysia kerana kononnya pengeluar-pengeluar dari seberang laut itu telah melantik beberapa peniaga-peniaga di Singapura menjadi wakil mereka.

Saya suka membawa pandangan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa segala approved permit ataupun import licence yang diperolehi oleh importers adalah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pendek kata tanpa diluluskan oleh Kementerian yang berkenaan maka barang-barang dan bahan-bahan yang hendak diimpot ke Malaysia itu tidak dapat diimpot. Dengan sebab itu hendaklah Kementerian menukar sikap supaya barang-barang yang dimaksudkan oleh saya itu tidak dapat pengeluaran-pengeluar melantik peniaga-peniaga daripada negeri lain untuk menguasai pasaran kita. Langkah ini jua adalah perlu diambil kerana untuk memberi makna kepada pelabuhan kita di Malaysia. Kedua, untuk secara direct memberi galakan kepada pengimpot-pengimpot di Malaysia, terutama daripada golongan bumiputra, mencapai bidang yang baru ini.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, suka mengalu-alukan berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengenakan cukai kepada koperasi-koperasi. Saya berpendapat bahawa bukan sahaja patut cukai dikenakan kepada koperasi-koperasi yang telah menjadi besar dan telah merupakan bukan sebenarnya syarikat kerjasama, tetapi merupakan satu bentuk perniagaan kapitalis, malah ia jua hendaklah mengawasi pentadbiran koperasi-koperasi itu. Sudah ada dibuktikan beberapa perkara dan kejadian-kejadian di mana pegawai-pegawai yang memegang teraju koperasi-koperasi yang besar itu menyalahgunakan tempat mereka sewenang-wenangnya sehingga pengambilan kakitangan dan pegawai-pegawainya, kalau misalnia koperasi itu dianggotai, iaitu ketua agongnya adalah daripada kaum India, maka kita lihat daripada budak jaga pintu hingga kepada pengurus besarnya semuanya daripada kaum India, ataupun sejumlah besar daripada pekerja-pekerjanya daripada golongan orang India. Sekali lagi saya menegaskan di sini, saya membawa perkara ini bukan kerana perkauman, tetapi adalah semata-mata supaya benar-benar dijalankan perniagaan di bawah dasar koperasi ini dengan semangat koperasi betul.

Satu perkara yang lain yang saya suka menyentuh adalah berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan jumlah belanja yang berjuta ribu ringgit yang akan dibelanjakan untuk pembangunan. Saya berharap agar dapat di bawah anggaran yang berpuluh ribu ringgit untuk pembangunan ini dapat dimasukkan pembayaran kepada Negeri Selangor, iaitu atas penyerahan Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan supaya dapat Negeri Selangor, dengan secepat mungkin, menubuhkan Ibu Negeri baru di Shah Alam. Saya diberitahu bahawa pembayaran untuk perkara ini letaknya adalah di dalam peruntukan di bawah Kepala Belanjawan Pembangunan. Nasib Negeri Selangor, Tuan Yang di-Pertua, sangat buruk, kerana bukan sahaja Negeri Selangor sebuah negeri yang belum lagi mempunyai Ibu Negeri yang sempurna, tetapi juga kerana beberapa perkara yang telah terjadi di sini maka patut sangatlah Kerajaan Pusat menitikberatkan supaya kami di Negeri Selangor ini pulih balik semangat kami.

Satu perkara yang lain, ialah berkenaan dengan keselamatan negara. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan bahawa walau bagaimanapun usaha Kerajaan untuk membangunkan ekonomi kita, walau bagaimanapun ditumpukan usaha-usaha pegawai-pegawai Kerajaan untuk menyelaraskan dasar-dasar Kerajaan ke arah mencapai hasrat Kerajaan, tetapi jika keselamatan negara kita tidak dapat dijamin, jika kita biarkan anasir-anasir komunis duduk di dalam pentadbiran kita, jika kita tidak tegas di dalam mencegah kader-kader komunis; yang pada satu masa dahulu, di tempat yang sama di Dewan yang mulia ini saya dedahkan satu dua perkara, maka saya berpendapat bahawa jutaan ringgit yang kita akan belanjakan akan hanya menjadi sia-sia. Jika saya menjadi seorang Timbalan Menteri atau andainya seorang Menteri dan jika ada di kalangan rakan-rakan saya menyampaikan kepada saya perkara-perkara yang mempunyai bukti-bukti, iaitu bukti-bukti komunis yang telah menembusi jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya, tetapi saya menafikan, kerana nasihat daripada orang-orang yang menasihatkan saya, orang-orang yang ada di sekeliling pinggang saya; tetapi sesudah dua atau tiga bulan kemudiannya, maka apa yang disampaikan oleh orang-orang kepada saya sebagai Menteri dibuktikan, maka saya akan sememang-memangnya tidak dapat menegakkan muka saya, kerana perasaan malu disebabkan tidak hendak mendengar, nasihat yang dengan bukti-buktinya, pada masa perkara-perkara yang disampaikan itu tidak saya indahkan; maka tentu kalau diri saya sebagai seorang Menteri, saya akan meletakkan jawatan saya sebagai Menteri.

Begitu juga saya meminta kepada Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri menanya diri mereka sendiri (your own conscience), kalaulah mereka ini terlibat di dalam apa yang dikatakan oleh confession daripada Samad Ismail, maka hendaklah untuk kebaikan negara Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri ini meletakkan jawatannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyentuh berkenaan dengan imej negeri kita di seberang laut. Adalah penting bagi kita mempunyai duta-duta kita, pegawai-pegawai kita, yang kita letakkan di seberang laut daripada orang-orang yang betul-betul matured. Biarlah dia muda, tetapi mempunyai fikiran

yang matured. Saya buat satu contoh. Di dalam lawatan saya baru-baru ini ke Indonesia, saya dan rombongan saya yang berjumlah hampir 20 orang telah menerima sambutan yang begitu baik. Kerana apa? Kerana usaha yang dibuat oleh Consul kita di Medan, oleh Duta Besar kita di Indonesia; tetapi sebaliknya ada tempat-tempat yang juga dilawati oleh saya, terutama di Eropah di mana kerana tidak begitu diambil berat oleh duta kita, oleh pegawai-pegawai kita, yang bertugas maka tidak dapat rombongan dagang ataupun lawatan itu menemui pihak-pihak yang patut ditemui.

Satu perkara lain, selain daripada pegawai-pegawai kedutaan yang patut bersikap dan membuat tauladan sebagaimana pegawai-pegawai kita di Jakarta, adalah juga pegawai-pegawai daripada MAS. Di Jakarta misalnya, Pengurus MAS di Jakarta ialah seorang yang muda dan oleh kerana beliau ini seorang yang muda dan dilepaskan untuk memegang satu pusat yang begitu mustahak, barangkali ini telah masuk ke kepalanya dan kepalanya telah menjadi besar. Dengan sebab itu perkara yang patut diatasinya dan boleh diselesaikannya dengan menggunakan kebijaksanaannya dan diplomasinya, maka di hadapan orang ramai, dia menunjukkan sikap yang dia mempunyai kuasa besar. Jadi, saya meminta supaya pihak-pihak yang berkenaan di masa hendak melantik pegawai-pegawai di seberang laut awasilah supaya pegawai itu sungguhpun kebanyakannya muda tetapi carilah daripada golongan orang-orang muda yang mempunyai kematangan dan pandai menggunakan diplomasi terutama di masa melayani orang ramai.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa di dalam kita hendak meninggikan ekonomi negara kita, satu perkara yang patut kita perbesar adalah keluaran-keluaran daripada perusahaan kita, dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di Malaysia berjumlah lebih kurang 11 juta orang. Pasaran yang ada di hadapan pintu kita, 130 juta adalah di Indonesia. Tetapi mengikut keadaan sekarang, kita memang neglectkan pasaran yang sebegitu besar iaitu 130 juta. Jarang sangat kita menghantar rombongan-rombongan dagang ke Indonesia. Kita hantar balik-balik ke Canton, balik-balik kita hantar ke Eropah, balik-balik kita

hantar ke negeri-negeri Eropah Timur, balik-balik kita hantar ke Amerika, tetapi 130 juta orang kita tidak ambil peduli, jarang-jarang kita menghantarnya.

Satu bidang yang besar di mana kita dapat menjalankan, dengan sertamerta, adalah bidang pelancungan ke Indonesia dan dari Indonesia ke Malaysia. Pelancungan yang saya maksudkan bukanlah pelancungan untuk kita menampung orang-orang jutawan, orang-orang yang mempunyai wang memang tidak payah lagi kita aturkan. Mereka sendiri boleh pergi dengan menggunakan wang mereka. Tetapi apa yang saya maksudkan ialah untuk kita mengusahakan supaya orang daripada peringkat pendapatan rendah dan pertengahan dapat peluang pergi melawat Indonesia dan dari Indonesia pergi ke Malaysia. Di sini sudahpun dibincangkan beberapa perkara yang boleh dijalankan jika pemerintah dari kedua negeri dapat menukar dasar-dasarnya sedikit. Dasar yang pertama, saya harap pihak yang berkenaan dapat menukarnya, ialah dasar mengadakan restricted passport. Kita sekarang mempunyai restricted passport di antara Malaysia dan Singapura, dengan tidak payah menggunakan International Passport kita boleh pergi ke Singapura. Apalah salahnya kalau dapat dikaji, samada lojik atau tidak, praktikal atau tidak, diadakan pula restricted passport di antara Malaysia dengan Indonesia dan di antara Indonesia dengan Malaysia. Dengan jalan ini lawatan dalam lingkungan dua minggu itu dapat mudah dan senang dibuat dan mudah dan senang kita mengaturkan orang-orang daripada peringkat pendapatan rendah dan pertengahan itu melawat di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Dengan cara ini juga dapat kita merapatkan lagi, bukan sahaja hubungan dagang di antara dua negeri, tetapi juga hubungan persaudaraan, hubungan muhibbah di antara Malaysia dan Indonesia.

Sekian sahajalah saya mengalu-alukan Ucapan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

4.58 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menggambarkan keadaan ekonomi kita sebagai cerah semasa melafazkan ucapan belanjawan beliau, GNP bagi tahun 1976 adalah dianggarkan akan berkembang sebanyak 8.5 peratus dari segi sebenar. Kadar

inflasi telah meningkat sebanyak 4.5 peratus; kita juga telah mendapat lebih banyak sebanyak \$140 juta dalam imbalan pembayaran kita; wang simpanan pertukaran luar bersih dijangka akan bertambah sebanyak \$1,500 juta hingga menjadi lebih kurang \$5,430 juta dan kira-kira semasa Belanjawan sekarang dianggarkan mencatat lebih banyak sebanyak \$55 juta.

Pengkritik-pengkritik sedar tambahan pesat di dalam GNP kita adalah disebabkan oleh kerana pengekspotan-pengekspotan getah, bijeh dan lain-lain barang yang semuanya adalah pendapat-pendapat wang yang tradisional dan bukan oleh kerana tambahan di dalam pembinaan nampaknya belum lagi bermula dengan pesatnya macam manufacturing. Pelaburan-pelaburan swasta di dalam perusahaan adalah sangat "sluggish" dan ternyata hampir tidak terdapat apa-apa pelaburan asing pun.

Dari segi teori tambahan wang simpanan pertukaran luar bersih kepada \$5,430 juta adalah sangat-sangat menggalakkan tetapi sekiranya kita meneliti tambahan tersebut ia akan menunjukkan bahawa tambahan itu diperolehi bukan daripada lebih hasil-hasil eksport daripada hasil-hasil import tetapi ianya datang daripada pinjaman wang dari sumber-sumber luar negeri.

Tahun 1976 masih merupakan tahun kekurangan iaitu deficit year (Budget deficit). Walaupun kira-kira semasa Belanjawan sekarang mungkin mempunyai lebih sebanyak \$55 juta, tetapi deficit pada keseluruhannya dijangka akan sampai \$2,345 juta iaitu selepas diperhitungkan perbelanjaan pembayaran yang sekarang dijangka akan menelan belanjanya sebanyak \$2,400 juta. Dengan adanya perbelanjaan deficit begitu banyak, penambahan kadar inflasi sebanyak 4.5% bagi tahun 1976, jika benar, tidak akan tetap dan pengguna-pengguna mungkin terpaksa mengalami kesusahan.

Berkait dengan kadar-kadar penukaran, sejak tahun 1974 apabila kenaikan G.N.P. kita cuma lebih kurang 8% nilai wang ringgit Malaysia telah menurun jika dibandingkan dengan dollar Amerika, dollar Singapura ataupun Deutschmark. Pada tahun 1974, kita terpaksa menggunakan \$2.38 sen untuk membeli ringgit dollar Amerika tetapi sekarang kita terpaksa menggunakan \$2.52 sen untuk membeli ringgit dollar Amerika; juga dengan \$94.86 sen kita dapat membeli 100

Deutschmark tetapi kini untuk membeli 100 Deutschmark kita terpaksa menggunakan \$102.44. Begitu juga jika kita hendak membeli wang Singapura. Pada tahun 1974 kita dapat membeli seratus ringgit Singapura dengan menggunakan \$98.10 duit kita tetapi sekarang kita terpaksa menggunakan \$102 atau \$103 untuk membeli seratus ringgit Singapura. Benar, ringgit kita telah naik nilainya jika dibandingkan dengan pound atau sterling tetapi ini adalah tidak akan mengembirakan kerana pound British sedang menghadapi krisis kerana Kerajaan British telah untuk beberapa tahun meminjam wang untuk membiayai belanjawannya.

Ini patut menjadi satu pengajaran kepada kita. Jika kita bergantung begitu banyak dan lama dengan perbelanjaan deficit, deficit Budget ini akan menjejaskan ekonomi kita serta mengakibatkan havoc. Kita adalah bertuah kerana terdapat sumber-sumber alam semula jadi seperti getah, bijeh, minyak kelapa sawit dan kayu-balak untuk memperkukuhkan ekonomi kita tetapi jika perbelanjaan kita melebihi pendapatan kita tahun demi tahun, maka keyakinan di dalam mata wang kita akan hilang. Adalah kena pada masanya untuk mengingatkan Kerajaan supaya jangan melakukan perbelanjaan deficit dengan meluasnya dan mencipta satu keadaan "euphoria" sebagaimana Belanjawan Tahun 1977 ini berniat membuat kerana akibat-akibat ini adalah sangat merbahaya. Inflasi akan bertambah dan orang-orang yang pendapatan mereka rendah akan mengalami kesukaran untuk membeli barang-barang keperluan asas, kalau Kerajaan pada tiap-tiap tahun ada menggunakan deficit Budget.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun 1977 menuntut bahawa kadar inflasi dianggarkan akan bertambah 4.5% sahaja jika dibandingkan dengan anggaran asal iaitu 6%. Tambahan ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan penambahan sebanyak 18% pada tahun 1974 tetapi tambahan sebanyak 5.4% juga merupakan satu tambahan yang formidable, yang serious terutama sekali kepada mereka yang di dalam golongan pendapatan rendah. Juga ianya merupakan tambahan yang sizeable atau banyak jika dibandingkan dengan tahun-tahun lalu.

Dalam tahun enam puluhan dan pada awal tahun-tahun tujuh puluhan, kadar inflasi tidak begitu rumit. Jika kita memperhitungkan Angka Petunjuk Pengguna (Consumer

Price Index) kita akan nampak bahawa kos kehidupan telah meningkat sebanyak 40% sejak empat atau lima tahun dahulu. Tetapi, harga barang-barang makanan telah meningkat 50%. Dalam pada ini, seorang pekerja biasa patut mendapatkan kenaikan gaji di antara 40% hingga 50% jika ia berniat menikmati taraf kehidupan yang sama seperti yang dinikmatinya dahulu. Dengan ini adalah wajar untuk menambahkan gaji pekerja-pekerja.

Perang terhadap inflasi (battle against inflation) mesti diteruskan jika kuasa pembelian wang duit seorang pekerja tidak akan merosot lagi. Dengan kadar inflasi sekarang, seorang penoreh getah yang pendapatannya adalah \$200 sebulan, pada masa lima tahun akan datang dikehendakkan menerima sekurang-kurangnya \$250 sebulan supaya membolehkannya hidup dalam keadaan atau taraf hidup yang dinikmatinya sekarang. Begitu juga pencen orang-orang pesara mesti dinaikkan sebanyak 25% dan seorang balu yang mendapatkan "annuity" daripada firma insuran diberi kenaikan sebanyak 25%.

Menteri Kewangan patut dipuji kerana beliau telah mengecualikan pesara-pesara daripada membayar cukai pendapatan atas pencen mereka. Tetapi beliau harus menimbang untuk menaikkan pencen para pesara-pesara dengan berpatutan jika berbanding dengan tambahan dalam kadar inflasi. Umpamanya, pesara-pesara yang telah bersara sebelum kadar inflasi melambung naik patut diberi tambahan sebanyak 40% di dalam pencen mereka, kerana kebanyakan daripada pesara-pesara yang telah bersara sebelum kadar inflasi naik sedang mengalami kesusahan.

Kerajaan telah cuba mengawal harga, menggunakan tanda harga (price tagging), langkah-langkah anti-sorok dan penubuhan Jawatankuasa Mengkaji Semula Harga dan dan juga Kempen Buku Hijau untuk menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan tetapi kadar inflasi masih berterusan sehingga lebih kurang 5% setahun. Benar ekonomi kita adalah ekonomi terbuka dan tertakluk kepada pengaruh-pengaruh antarabangsa, tetapi sudahkah setiap jalan untuk menentang inflasi dicubai supaya kadar inflasi dapat diturunkan ke paras dalam tahun enam puluhan? Jawabannya ialah tidak.

Surtax dan Cukai Jualan akan mendatangkan hasil sebanyak \$570 juta untuk Kerajaan pada tahun ini. Pemansuhan cukai-cukai ini akan bermakna kehilangan hasil daripada sumber ini tetapi sebaliknya, dengan tidak adanya cukai-cukai ini, barang-barang pengguna akan menjadi lebih murah dan rakyat akan mempunyai kecenderungan untuk belanja lebih. Kilang-kilang akan mengeluarkan lebih barang-barang dan mereka akan perolehi keuntungan yang lebih banyak dan Kerajaan pula akan mendapatkan cukai yang lebih daripada kilang-kilang ini. Dalam keadaan ini, pengguna-pengguna akan berfaedah, kilang-kilang akan bertambah maju dan pegawai-pegawai hasil di dalam Kementerian Kewangan akan juga berfaedah. Cuma inflasi musuh kita yang akan mengalami kekalahan. Sudah sampailah masanya untuk pegawai-pegawai hasil memikirkan sedalam-dalamnya akan perkara ini.

Dalam hal ini, pelepasan (rebate) cukai pendapatan sebanyak \$60 adalah menarik perhatian. Jika sekiranya seorang yang mempunyai seorang isteri dan empat orang anak mendapat pendapatan bulanan sebanyak \$500 akan menikmati hasil pelepasan ini \$60 kerana termasuk dalam golongan yang membayar cukai 6%. Jika tidak ada cukai jualan, kalau tidak ada surtax, mungkin beliau ini dapat menikmati pelepasan rebate cukai sepuluh kali ganda iaitu \$600 yakni 10% daripada pendapatan tahunannya sebanyak \$6,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang sentuh berkenaan perumahan dan tanah. Tanah merupakan keperluan asas bagi seorang petani di kawasan luar bandar. Tanah itu boleh digunakan untuk membina tempat perlindungan bagi ia dan keluarganya serta juga bolehkan mereka bercucuk tanam. Adalah sangat dikesalkan reformasi-reformasi tanah tidak diumumkan di dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan kerana walaupun benar terdapat beberapa ribu keluarga yang ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA dan juga di kawasan Rancangan Muda dan Kemubu terdapat beribu-ribu keluarga petani yang mencari nafkah hidup mereka sebagai "tenant farmers", sebahagian daripada hasil yang diperolehi oleh petani itu adalah untuk dirinya sendiri dan bahagian hasil yang lain yang lebih, yang banyak diberi kepada tuanpunya tanah. Ini tidak boleh diterima dan petani-petani harus dibenarkan menikmati hasil kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah masanya untuk mengadakan satu rancangan baru di mana tanah-tanah diperolehi daripada tuan-tuan punya tanah dan mereka diberi wang gantirugi dan tanah yang diperolehi itu dibahagikan kepada petani-petani. Dengan membuat demikian, petani-petani dapat meninggikan cara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tugas untuk menyediakan sebuah bumbung untuk golongan-golongan miskin dan berpendapatan rendah kini telah menjadi perkara yang serius. Sesatu keluarga yang telah memiliki sebuah rumah atau sebidang tanah adalah lebih sukar untuk dipengaruhi oleh mereka yang mengembangkan kekerasan dan politik revolusi bersenjata tetapi perhatian yang berat tidak diberi terhadap masaalah yang rumit ini di dalam Belanjawan tahun hadapan.

Untuk seluruh negeri Malaysia, sebanyak \$57 juta telah diperuntukkan untuk perumahan. Peruntukan ini adalah amat kecil kerana ianya tidak mencukupi untuk membina rumah-rumah untuk orang-orang miskin. Sepatutnya, peruntukan ini harus ditambah sepuluh kali ganda atau lebih. Terdapat tanah banyak di negara kita dan ianya patut diberi kepada mereka untuk membina rumah. Jika tanah diberi kepada mereka yang di dalam golongan berpendapatan rendah, "willy-nilly" mereka akan dapat membina rumah masing-masing sendiri. Sekiranya kita memperhatikan kawasan-kawasan setinggan di mana penghuni-penghuni telah dengan kecerdikan mereka membina rumah untuk keluarga mereka. Walaupun rumah-rumah yang dibina itu mungkin bukan merupakan rumah impian bagi mereka, rumah dengan standard yang tinggi, yang bermutu tinggi, tetapi ianya menjadi tempat perlindungan bagi mereka.

Tanah mesti diberi kepada mereka yang hendak membina rumah dan infrastruktur-infrastruktur asas seperti jalan dan air paip patut disediakan. Dengan kemudahan-kemudahan asas ini, rumah-rumah akan dapat dibina. Idea ini, fikiran ini, bukanlah idea baru tetapi telah digunakan dengan jayanya—(success) di negara-negara yang sedang membangun seperti Pakistan. Kawasan-kawasan perumahan seumpama ini mungkin tidak dapat mencontohi rumah-rumah yang bermutu tinggi di negara-negara barat tetapi dengan adanya kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, air, sistem saluran najis yang baik, penghuni-penghuni dapat hidup dalam suasana sihat.

Sungguhpun elaun susutan yang dipercepatkan diberi kepada industri-industri yang berlandaskan pertanian, adalah dikesali sebarang tindakan tidak diambil untuk menggalakkan pembinaan rumah-rumah (developers) berharga murah oleh pemaju-pemaju rumah swasta dengan memberikan mereka galakan-galakan (incentives). Adalah nyata, keuntungan yang diperolehi dari rumah-rumah berharga murah adalah tidak lumayan tetapi sekiranya keuntungan yang diperolehi itu dikecualikan daripada cukai, mungkin ini akan menggalakkan pemaju-pemaju (developers) swasta menumpukan perhatian mereka terhadap pembinaan rumah-rumah berharga murah.

Parti DAP menyeru supaya potongan cukai (rebates) diberi kepada pemaju-pemaju rumah swasta yang membina rumah-rumah berharga murah untuk menampung keperluan rakyat, kerana perumahan berharga murah merupakan satu prioriti utama dalam usaha menuju kearah sebuah masyarakat yang lebih adil dan juga di dalam perang untuk menawan hati dan fikiran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang negara pada hujung tahun 1976 adalah \$13,110 juta. Ini merupakan tambahan sebanyak 17% jika dibanding dengan tahun 1975 dan juga tambahan sebanyak \$8 billion sejak akhir tahun 1970. \$2,849 juta daripada hutang ini adalah hutang kepada sumber-sumber di luar negeri. "Debt servicing" tahun ini telah bertambah kepada \$756 juta iaitu 12% daripada perbelanjaan mengurus. Hutang Kerajaan yang besar ini adalah membimbangkan terutama sekali apakala kita perhatikan tambahan hutang kita ini meningkat dengan begitu besar pada setiap tahun. Tabiat meminjam wang juga menggelisahkan hati walaupun kita diberitahu negara kita mempunyai kapasiti untuk bayar hutang ini. Saya sedar kita perlukan wang untuk pembangunan tetapi berapa lamakah sebuah negara boleh hidup dengan meminjam wang sahaja. Apakah yang telah jadi kepada rancangan-rancangan pembangunan kebelakangan ini? Adakah ianya tidak berjaya atau berhasil kerana sekiranya rancangan-rancangan tersebut berjaya, hutang kita dapat dijelaskan dengan mudah sahaja ataupun dapat dikurangkan. Jika sekiranya, wang yang dipinjam dahulu telah dibelanjakan dengan cermat dan berkesan, hasil daripada pinjaman wang itu cukup untuk membiayai projek-projek pembangunan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akaun-akaun beberapa badan Kerajaan dan badan-badan separuh Kerajaan adalah tidak di dalam keadaan yang teratur dan beberapa daripada badan-badan ini tidak mempunyai sebarang akaun yang menunjukkan keuntungan atau kerugian badan tersebut. Saya berharap pada masa akan datang setiap laporan prestasi badan-badan Kerajaan dan badan-badan Kerajaan dan badan-badan awam di mana wang negara dilaburkan akan dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita memerhatikan Anggaran Hasil Persekutuan ia akan menunjukkan bahawa hanya Bank Negara, Lembaga Letrik Negara, Lembaga Loteri, Bank Bumiputra, Malaysia Borneo Building Society, MIDF, Syarikat Kuasa Letrik Hydro Sungai Perak dan Malayan Banking yang memperolehi keuntungan. Tidak ada apa-apa laporan mengenai pinjaman-pinjaman yang diberi kepada Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk tahun 1975 dan 1976. Juga keuntungan yang diperolehi oleh PERNAS, FELDA, UDA, Lembaga Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang dan lain-lain badan berkenaan tidak diberitahu kepada kita. Kita dengar desas-desus yang mengatakan pihak Keretapi Tanah Melayu telah perolehi keuntungan tahun ini jika dibanding dengan tahun-tahun lalu di mana pihak keretapi mengalami kerugian. MAS merupakan satu mystery kerana pada tahun-tahun ke belakang ini, ia telah perolehi keuntungan yang banyak tetapi pada tahun ini keuntungannya itu telah menurun dengan begitu dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, prestasi badan-badan di mana wang awam dilaburkan adalah tidak mengembirakan dan jika keadaan ini dibenarkan berterusan, maka akan sampai satu hari di mana hutang-hutang yang bertimbun ini akan menjadi satu beban yang tidak dapat dipikul. Scenario atau keadaan ini patut dielakkan jika kita tidak berniat ringgit kita mengikut jejak duit pound British atau Sterling.

Sebagai pengawal rakyat (watchdog) Parti DAP menyeru supaya sebuah Suruhanjaya Parlimen ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam keadaan dan prestasi semua badan-badan Kerajaan atau separuh Kerajaan di mana wang rakyat dilaburkan. Menteri Kewangan kita telah menekankan bahawa setiap ringgit akan dibelanjakan untuk faedah rakyat. Ini saya setuju. Saya rasa beliau tidak akan menentang cadangan saya ini tetapi se-

baliknya mengalu-alukan penubuhan Suruhanjaya (Parliamentary Committee) tersebut untuk menentukan bahawa pengurusan ekonomi wang negara kita adalah baik, selamat, produktif ataupun self-sufficient.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berkata bahawa objektif Rancangan Malaysia Ketiga ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, memperkuat pertahanan kebangsaan kita dan menyusun semula masyarakat. Parti DAP mengalu-alukan tujuan hendak membantu orang-orang Melayu, China, India dan orang-orang keturunan lain supaya mereka dapat perolehi taraf kehidupan yang lebih tinggi. Parti DAP akan memberi sokongan sepenuhnya jika tujuan menyusun semula masyarakat bermakna setiap rakyat Malaysia dari semua bangsa peluang-peluang yang sama di dalam setiap lapangan. Malahan sejak ditubuhkan, Parti DAP telah memperjuangkan supaya kemiskinan dibasmi tanpa mengira kaum dan juga supaya integrasi kaum diadakan di dalam lapangan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, benar perubahan-perubahan tidak boleh dibuat dengan begitu cepat tetapi percubaan untuk membuat perubahan-perubahan itu harus mula dibuat. Sekarang umpamanya, di dalam lapangan politik, UMNO, MCA, dan MIC mesti membuka pintunya untuk semua rakyat Malaysia sebagai permulaan untuk menubuhkan sebuah parti berbilang kaum.

Saya nampak usaha-usaha yang kuat sedang dijalankan supaya orang-orang Melayu dapat mencapai 30% penyertaan di dalam lapangan perusahaan, perdagangan dan perkilangan. Tetapi, saya juga ternampak kezaman yang sama tidak terdapat dalam hal mengambil orang-orang bukan Melayu untuk bekerja dengan pasukan polis dan tentera ataupun berkhidmat dengan Kerajaan atau badan-badan berkanun. Parti DAP berharap dalam pengambilan pelajar-pelajar ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi (tertiary institutions) pada masa akan datang pengambilan itu akan mencerminkan komposisi masyarakat kita.

Dalam bidang kebudayaan di mana ibubapa-ibubapa dan para pendidik-pendidik telah minta supaya anak-anak mereka diajar di dalam bahasa ibunda mereka, permintaan mereka itu tidak dapat sebarang response

yang menasabah dari pihak Kementerian Pelajaran. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menutup telinganya tentang rayuan-rayuan yang dibuat ini dan sentiasa menekankan pendiriannya tentang dasar pelajaran lama. Apakah dasar pelajaran patut tegas meskipun terdapat desakan-desakan yang sah daripada ibubapa-ibubapa yang sangat bimbang tentang pendidikan anak-anak mereka? Sejak kemerdekaan iaitu 19 tahun yang lalu, terdapat seruan-seruan untuk perpaduan kebangsaan dan objektif ini masih menjadi elusive kerana pemimpin-pemimpin kebangsaan tidak mendengar rungutan-rungutan rakyat, meneliti dan menilai tuntutan-tuntutan mereka dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kebangsaan akan menjadi satu impian (dream) sahaja kecuali pimpinan politik negara menjadi responsive dan boleh berjaya menunaikan apa yang diperlukan rakyat. Zaman rhetoric politik dan janji-janji telah lalu. Kini adalah masanya untuk tindakan dan pelaksanaan. Tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga telahpun hampir tamat-sangat cepat. Tugas besar untuk membasmi kemiskinan dan mengintegrasikan kaum masih ujud dan mesti dilayani sekarang. Biarkan kemahuan politik (political will) berada untuk menggunakan wang yang diperuntukkan di dalam Belanjawan 1977 supaya objektif-objektif yang saya sebutkan dahulu dapat dicapai.

Akhirnya, pelaburan pihak swasta dijangka akan memainkan peranan yang utama dalam usaha meninggikan ekonomi dan mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Tetapi pada tahun ini, penanaman pelaburan hanya meningkat 3% dan bukan 10% sebagaimana dijangka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Beberapa faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini. Satu daripada sebab ialah oleh kerana kemelesetan yang dialami sekarang oleh seluruh dunia kini beransur-ansur baik. Sebab kedua, ialah masalah keselamatan dan juga keraguan-keraguan terhadap approach yang digunakan untuk menghadapi soal-soal politik dan sosial negara kita. Wang beratus-ratus million yang dibelanjakan untuk pertahanan dan keselamatan telah mengeringkan sumber-sumber negara kita dan masalah-masalah politik dan ekonomi yang asas masih belum diselesaikan kerana kemudahan politik (political will) itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sekarang Akta Penyelarasan Perusahaan. Reaksi terhadap akta ini adalah tidak "favourable". Dewan Bersekutu Perniagaan China (A.C.C.I.) telah mendesak supaya akta ini dimansuhkan. Pihak "The Federation of Malaysia Manufacturers" dan "The Malaysian International Chamber of Commerce" telah memprotes dengan kerasnya. Pelabur-pelabur daripada negeri Jepun, Britain dan Amerika juga telah mendesak supaya pindaan-pindaan diadakan terhadap Akta tersebut. Di bawah Akta ini, lesen untuk mengilang terpaksa dibaharui setiap tahun tertakluk kepada beberapa syarat seperti tambahan sebanyak 30% saham-saham untuk orang-orang Melayu, melatih orang-orang Melayu memegang jawatan-jawatan eksekutif, melantik orang-orang Melayu kepada Lembaga-lembaga Pengarah dan juga kegunaan bahan-bahan yang dibuat tempatan. Objektif-objektif ini boleh diterima pada perinsipnya tetapi sukar untuk dipraktikkan. Terdapat beberapa contoh di mana syarikat-syarikat tempatan telah terdampar kerana saham-saham yang ditempahkan untuk orang-orang Melayu belum lagi dibeli. Bukan sahaja orang-orang individu yang terlibat dalam hal ini malahan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri juga telah gagal membuat bayaran equiti. Beberapa syarikat tidak boleh melaksanakan projek itu, sebab tidak dapat equiti daripada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Berkenaan dengan perkongsian atau directorship, perkara ini adalah rumit (delicate) kerana ianya berkehendakkan kepercayaan bersama (mutual trust), dan ini adalah sangat sukar untuk dilaksanakan kerana negara kita ini adalah sebuah negara berbilang kaum. Objektif-objektif ini adalah patut menjadi garis panduan untuk para pelabur dan bukan memperluatkannya menjadi undang-undang kerana ini adalah tidak realistik dan praktik. Pelabur-pelabur sangat khuatir kerana lesen-lesen mereka boleh dilulus atau tidak diluluskan ataupun diperbaharui seperti "sword of Damocles". Tetapi kalau syarat ini boleh dijadikan satu guideline bukan sebagai undang-undang saya fikir manufacturers boleh terima Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kemajuan Petroliaam (Pindaan) 1974 telah menimbulkan kontroversi. Perundingan telah berjalan sejak setahun tetapi kini telah menghadapi buntuan (deadlock). Sekurang-kurangnya sebuah syarikat telah memberhentikan kerja cari-

galinya. Selain daripada hal perkongsian pengeluaran, kontroversi yang lain ialah berkenaan saham pengurusan (management shares) yang membenarkan PETRONAS lebih kurang menguasai syarikat-syarikat minyak lain. Pada pendapat seorang pelabur asing ini merupakan hakmiliknegarakan (nationalisation) dan ini merupakan "taboo" kepada mereka yang hendak menanam modal di negara kita. Nampaknya, PETRONAS mungkin sebelum 15hb November bersedia untuk mengambil-alih syarikat-syarikat minyak kerana perundingannya dengan mereka telah menghadapi jalan buntu. Dalam keadaan ini PETRONAS mungkin akan mendapatkan bantuan teknologi minyak daripada negara-negara Timur Tengah, Perancis ataupun negara-negara lain termasuk Russia dan Indonesia. Malahan, negeri Iraq telah berjaya kerana bantuan yang diberi oleh negeri Russia tetapi bantuan ini banyak mempunyai "political strings." Pilihan itu adalah di dalam tangan PETRONAS tetapi dalam perundingan-perundingan mereka mestilah memikirkan beberapa faktor; antara lain ialah implikasi atau kesannya dalam suasana penanam modal jikalau perundingan itu gagal dan kesan yang selanjutnya ke atas Rancangan Malaysia Ketiga dalam mana pelaburan swasta dijangka memainkan peranan penting dalam membelanjakan lebih kurang \$26 billion.

Patutlah diingatkan bahawa kita meletakkan harapan atau bergantung kepada kuasa luar di dalam segi teknologi dan modal untuk perusahaan minyak. Kita mempunyai LLN yang mempunyai jurutera dan juruteknik yang berkecayaan. Teknologi minyak boleh dikatakan baru, malahan orang Jepun juga tidak berapa berjaya seperti beberapa buah negara lain. Sehingga suatu masa apabila kita mempunyai jurutera dan pasukan pekerja yang lengkap, maka PETRONAS mestilah bertindak dengan penuh berhati-hati supaya kekayaan yang ujud di bawah tanah kita dapat memberi makna yang besar kepada masa depan negara ini. Saya tahu PETRONAS sekarang berada dalam keadaan dilemma, kalau diikuti sistem ekonomi nasionalisma diamalkan, barangkali ini boleh menakutkan orang yang hendak melaburkan modalnya di sini.

Parti DAP tidak merayu bagi pihak orang-orang kapitalis ataupun ahli-ahli perniagaan besar, tetapi logik dan pragmatism mesti digunakan untuk mengujudkan lebih lagi

peluang-peluang kerja untuk rakyat miskin dan mengujudkan sumber-sumber kewangan yang perlu untuk membahagikan faedah-faedah sosial, ekonomi dan kesihatan untuk mereka yang tidak berada. Dengan sebab itu, Parti DAP memberikan pandangannya berkenaan Akta Penyelarasan Perusahaan dan Akta Kemajuan Petroliaam.

5.26 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Yang di-Pertua, saya turut memberikan sokongan dan tahniah di atas ucapan sulung Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan Anggaran Belanjawan Negara pada tahun 1977 yang akan dilaksanakan nanti. Di samping memberikan sokongan itu, ingin saya sentuh atas beberapa perkara yang sepatutnya menjadi perhatian daripada pihak-pihak yang tertentu yang ada kaitannya bagi mengatasi beberapa kesulitan yang dihadapi oleh rakyat seluruhnya. Dengan berbuat demikian tentulah pihak berkenaan dapat membantu Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan ekonomi negara.

Kita biasa dilaungkan dengan berbagai slogan daripada Menteri-menteri yang menggalakkan rakyat melibatkan diri di dalam dasar ekonomi negara dengan menyertai Dasar Ekonomi Baru dan menyusun semula masyarakat dan bagi mencapai cita-cita Kerajaan hendak membasmi kemiskinan dan diikuti pula dengan hendak membandarkan penduduk-penduduk di luar bandar. Bagi saya hasrat dan cita-cita Kerajaan tidak akan tercapai selagi sikap beberapa jabatan masih memerhati dan mendengar sahaja tanpa tindakan sewajarnya perlu diambil. Bukanlah hendak dinafikan sepenuhnya tetapi apa yang sangat dikesalkan ialah pihak Kerajaan bertindak dengan pertukaran pegawai-pegawai yang telah dapat memahami akan hasrat rakyat. Ketua-ketua Jabatan berkenaan ditukarkan kerana kenaikan pangkat oleh sebab semangat dedikasinya bagi memajukan sesuatu jurusan tertentu.

Saya bersetuju tiap-tiap pegawai dan kakitangan Kerajaan itu dinaikkan pangkatnya dengan tidak membuat pertukaran pada tempat yang sedia ada. Kalau hendak ditukarkan biarlah suatu rancangan yang telah diatur bersama olehnya itu telah menampakkan kejayaan yang dinikmati oleh rakyat di berbagai bidang kemajuan ekonomi. Menurut kajian Pusat, Kajian Pembangunan Malaysia

bahawa penduduk-penduduk di luar bandar telah bertambah maju sedikit sebanyak 75 peratus akan taraf hidup mereka. 15-25 peratus taraf hidup mereka tetap seperti dahulu juga bahkan ada yang bertambah buruk dari yang ada. Usaha menghapuskan kemiskinan ini Kerajaan perlulah mengasing-asingkan kumpulan-kumpulan ini untuk memberikan bantuan khusus oleh kerana mereka ini kurang serba-serbi dari segi pelajaran, kesihatan dan faktor-faktor sikap penduduk-penduduk luar bandar. Usaha pembangunan tidak sampai kepada mereka atau mereka tidak dapat merebutnya kerana orang-orang ini terpaksa menumpukan usaha seharian mereka mencari rezki dan tidak ada masa untuk mengetahui apakah bantuan atau pembangunan yang perlu mereka dapati. Mereka cuma mendengar dan melihat sahaja malahan mereka itu tidak mengetahui bagaimana caranya untuk memperbaiki kehidupan mereka, tegasnya mereka ini tidak memikirkan apa-apa langsung. Orang-orang ini ramai di kawasan saya dan bilangannya akan bertambah tahun demi tahun, tidak ada memiliki tanah sawah, getah ataupun tanah kelapa. Kalau hendak memiliki tanah atau memohon tanah tidak dapat, walaupun telah diminta, tetapi yang dapat dimiliki ataupun dipunyai ialah orang-orang yang berada. Ada pula rancangan yang dibuka pemberitahu tidak sampai kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada tiap-tiap pegawai yang mempunyai kuasa bersikap tegas dan jujur menjalankan tugasnya bagi membantu rakyat untuk menjayakan sesuatu rancangan. Kita memang tahu penduduk luar bandar masih tidak mempunyai keupayaan bagi memperbaiki taraf ekonomi mereka. Mereka perlukan bimbingan tunjuk ajar dari beberapa orang pegawai. Katakanlah pihak Kerajaan Negeri telah bermurah hati hendak mengadakan satu rancangan pembahagian tanah kepada mereka yang terlibat oleh sesuatu mala petaka alam yang terjadi seperti banjir yang sering berlaku. Mereka ini perlulah dipindahkan kerana dengan pemindahan itu mereka akan dapat mengatasi kesulitan-kesulitan hidup mereka, kerana kebanyakan kawasan ini adalah disebabkan oleh beberapa hal yang tidak dapat dielakkan, maka kawasan mata pencarian mereka ini selalunya dua atau tiga bulan dalam setiap tahun ditenggelami oleh air.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya telah difahamkan kawasan perumahan telah disediakan di suatu kawasan lain bagi menempatkan penduduk-penduduk berkenaan tetapi perlukan bantuan pindahan. Mereka perlu juga disediakan dengan sekolah, klinik, mesjid dan kemudahan-kemudahan yang lain. Kawasan tanah mereka perlu dimajukan dengan secara usaha berkelompok dengan dibiayai oleh badan-badan tertentu yang sedia ada oleh Kerajaan. Penduduk-penduduk yang terlibat adalah dari kampung yang telah dirancang atau yang telah dibuat iaitu sebuah kampung baru bernama Kampung Changkat Pinggang yang mana kampung tersebut hampir dikelilingi oleh lombong bukan bumiputra sebanyak 15 buah dan kampung ini juga tidak pernah mendapat layanan yang sama seperti kampung-kampung baru yang lain yang ada di seluruh negara. Selain daripada itu ialah kampung yang berhampiran di sepanjang-panjang Sungai Kinta sehinggakan ada sebuah kampung lagi sehingga masa ini tidak dapat menunaikan fardu sembahyang Jumaat pada tiap-tiap kali kerana ramai daripada penduduk-penduduk ditempatkan ini telah lari ataupun telah meninggalkan kawasan ini dan ada kemungkinan sebuah lagi sekolah yang jumlah muridnya tidak lebih daripada 30 orang mungkin juga akan ditutup.

Penduduk-penduduk dari kampung yang disebutkan tadi pada masa yang lalu mendapat rezki yang lumayan daripada hasil sungai tetapi sungai tersebut telah dicemarkan oleh lombong-lombong yang berjumlah tidak kurang daripada 40 buah bukan milik bumiputra di sebelah utaranya. Penduduk-penduduk Sungai Kinta pada perhatian saya pada masa yang akan datang lebih dahsyat lagi menderita yang berpanjangan manakala projek mendalamkan sebuah sungai yang akan mengalirkan air ke Sungai Kinta dan sebuah sungai lain yang akan masuk juga ke Sungai Kinta mengakibatkan pengaliran airnya tidak laju oleh sebab Sungai Kinta ini tidak pernah diperlebar dan diperdalamkan. Oleh yang demikian, saya berharap dan berseru kepada mana pihak yang terlibat supaya segera mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelamatkan mereka dan menyelamatkan wang negara tidak tersia-sia sepanjang tahun bagi memberikan bantuan dan kemudahan kepada mereka di kampung yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang kita dengar atau rakyat dengar hendak memperbandarkan luar bandar pada ingatan saya telah lama dibuat rancangan dan diadakan pelan tata-aturnya yang disusun rapi disediakan sudah lima tahun yang lalu, telah ada mesyuarat demi mesyuarat dan telah bertukar ganti Pegawai Daerahnya tetapi keadaannya tetap sama sahaja, tidak ada reaksi yang memajukan atau memperbandarkannya. Seperti contoh, di kawasan saya telah dicadangkan dua buah kampung untuk dijadikan bandar kecil iaitu satu di Kampung Gajah dan satu lagi di Chenderong Balai. Di Chenderong Balai cuma diberikan sebuah pejabat pos sahaja sedangkan di Kampung Gajah ditinggalkan atau dilupakan bagi mendirikan pejabat pos yang telah diluluskan semenjak tahun 1973 dahulu lagi. Ke mana perginya pejabat pos tersebut, di sini saya ingin mendapatkan penjelasan memperbandarkan Kampung Gajah dan Chenderong Balai daripada pihak yang berkenaan, saya ingin membuat pertanyaan adakah ini satu perkara yang boleh diringan-ringankan begitu sahaja sedangkan rakyat ataupun penduduk tempatan selalu sahaja datang ke ibukota Kuala Lumpur dengan sentiasa mendapat perubahan dari semasa ke semasa dan telah mengingatkan Kerajaan telah tidak mahu ambil tahu akan penderitaan mereka. Oleh yang demikian, saya bersama-sama dengan rakyat mengharapkan sungguh-sungguh supaya tindakan segera hendaklah diambil bagi membolehkan bandar kecil diperbandarkan tanpa mengira akan hasil yang dikeluarkannya.

Kita juga selalu mendengar Kerajaan membuat seruan demi seruan supaya rakyat melibatkan diri dalam berbagai projek yang disusun dan diaturnya dengan menghidupkan semula semangat gotong-royong. Rakyat bersedia dengan semangat itu dengan syarat hendaklah diberikan sedikit sekurang-kurangnya 10 atau 15 peratus daripada harga sesuatu projek tersebut dan tidak cuma diberikan bahan dan disuruh bekerja sahaja. Perkara ini akan terus berlaku dan sambutan rakyat akan berkurangan kalau tidak diubahsuai dengan cara keseluruhan belanja dengan diawasi oleh pegawai tertentu bagi mendapatkan bahan dan membawanya ke tempat mereka dan diusahakan dan tidak kurang pula mutu bahan-bahan itu dapat diusahakan melalui tender yang dibuat, melalui tender kecil tempatan.

Saya sungguh sedih melihatkan satu rancangan jalanraya yang telah dibuat 10 tahun lalu sejauh 8.8 batu masih keadaannya seolah-olah lorong kerbau membawa kayu balak dan tidak mendapat perhatian langsung kerana di Dewan yang mulia ini jawapan yang diterima adalah projek tersebut ialah projek negeri. Pada perhatian saya kita tidak semestinya demikian kerana mereka itu adalah juga rakyat yang taat setia kepada negara ini. Di sini saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat diteruskan dengan cara beransur-ansur dan mulakan pada tahun 1977 dibina sejauh tiga batu, pada tahun 1978 tambah lagi tiga batu dan pada tahun 1979 tambah lagi yang baki-nya itu. Dan dengan itu terhapuslah salah sangka rakyat bahawa mereka telah dilupakan bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan asas kehidupan keselesaan rakyat se tempat. Kawasan yang saya maksudkan ataupun jalan yang saya maksudkan itu adalah jalan daripada Changkat Lada sebelah Kg. Gajah dan membawa melalui kampung-kampung di tepi sungai sehinggalah ke Teluk Sena, Parit.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini supaya semua Wakil Rakyat itu hendaklah berbincang dengan pegawai dalam Mesyuarat Tindakan Daerah bagi sesuatu projek supaya dapat difikirkan bersama bagi diputuskan untuk dimajukan kepada tindakan negeri. Saya masih ingat lagi satu taklimat telah dipanggil berhadapan dengan Pegawai Pembangunan Negeri dan telahpun memberikan persetujuan suatu senarai dan telah menyatakan memberikan keutamaan sesuatu projek yang tertinggal. Tuan Yang di-Pertua, senarai yang saya maksudkan itu ialah senarai memberi kemudahan bekalan letrik di satu kampung iaitu kampung yang berdekatan dengan kampung yang lain telah mendapat nikmat dua atau tiga tahun yang lalu. Kampung tersebut ialah Kampung Pulau Tiga kerana di sebelah utaranya satu kampung, Teluk Sarih telah mendapat bekalan dan sebelah selatannya pun di Kampung Gajah telah mendapat bekalan letrik. Di antara kedua kampung itu jarak tidaklah jauh cuma tiga batu sahaja dan kelulusan mengikut senarai yang dijawab oleh Pegawai Pembangunan Negeri adalah diberi keutamaan yang tertinggi sekali. Tetapi malang sungguh kampung yang berkenaan mengikut pengumuman pada bulan September yang lalu, kampung ini tidak juga mendapat.

Begitu juga kampung-kampung yang lain yang berdekatan dengan kampung yang telah mendapatkan bekalan letrik dua atau tiga tahun yang lalu juga tidak dapat dinikmati-nya walaupun telah diminta dan disenaraikan dengan peruntukan yang kecil di bawah kepada projek ekor. Di manakah kesilapan ini telah berlaku? Rakyat masih ternanti-nanti dan bertanya-tanya bilakah agaknya mereka memperoleh dan semua masalah yang ada kaitan untuk memajukan pasangan pendawaian dan sebagainya adalah telah diselesaikan dan dipersetujukan bersama di antara pihak Lembaga dengan pihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat tahu beberapa Jabatan Kerajaan masih banyak mengamalkan bilangan pekerja-pekerja sementara walaupun mereka telah bekerja dengan baik dan memuaskan dan mendapat sambutan rakyat. Oleh itu, ada baiknya jawatan mereka itu diserapkan terus sebagai pekerja tetap di dalam Jabatan ataupun Kementerian yang berkenaan. Dengan itu hidup mereka akan terjamin di masa hadapan. Apa yang saya fahamkan di dalam Kementerian Kesihatan ada satu pasukan pembasmi Malaria dan juga Jabatan Kerja Raya sebagai Penjaga Tol. Mereka ini masih lagi dianggap sebagai jawatan sementara.

Sungutan petani-petani yang menyatakan Jabatan Parit dan Taliair tidak ada satu jadual kerja yang teratur kerana kerja membaiki batas dan taliair biasa dibaiki semasa air telah penuh di dalam taliair. Bukankah baik kerja-kerja tersebut dibuat semasa petani-petani sedang mengetam ataupun sedang mengerat padi. Apabila masa turun ke sawah air dapat berjalan dengan baik dan boleh digunakan oleh petani-petani dengan sebaik-baiknya. Sungutan itu tidak akan habis begitu sahaja kerana pegawai-pegawai pengawas tidak ada memerhati akan pelaksanaan bekalan air kepada pesawah-pesawah di kawasan mereka, dan mereka mesti pula membuang masa untuk menemui pegawai-pegawai yang berkenaan membuat laporan supaya kesusahan mereka itu dapat diatasi. Saya harap dapat dibetulkan supaya keadaan demikian tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Sungutan-sungutan itu akan dijawab mengatakan Jabatan Parit dan Taliair kekurangan pekerja bagi membantu menjayakan hasrat rakyat. Oleh itu, diharap

dapat sekiranya ditambah pekerja-pekerja dengan memberikan peluang kepada mereka ataupun kepada belia-belie tempatan ataupun penduduk-penduduk dari kawasan-kawasan sawah itu sendiri. Dengan berbuat demikian akan dapat membantu Kerajaan mengurangkan pengangguran dan penghijrahan penduduk-penduduk ke bandar-bandar mendapatkan pekerjaan.

Selain daripada itu, Kerajaan dapat kurangkan belanja mendirikan tempat-tempat kediaman bagi buruh-buruh dan dapat memberi arahan dari masa ke semasa pada ketika- ketika yang mustahak di satu-satu masa dengan cara yang paling mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sampaikan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan penanaman padi di kawasan saya. Terima kasih mereka kepada Menteri, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah membeli padi dengan terus dengan harga yang baik dan berharap bersungguh-sungguh supaya kenaikan itu dapat ditambah sekurang-kurangnya \$35 sepikul pada musim yang akan datang. Walaupun demikian, saya ingin membuat sedikit teguran supaya padi yang dibeli itu disimpan di dalam gudang dan tidak di luar gudang. Gudang ini mungkin yang dibuat pada tahun lima puluhan yang lalu tidak dibesarkan ataupun tidak ditambah sedangkan sawah-sawah padi bertambah luas dan usaha-usaha untuk menanam padi telah diperhebatkan setahun dua kali. Daripada pekebun-pekebun kelapa pula berharap supaya ditubuhkan badan kawalan harga dan tidak seperti sekarang dengan harga sesuka hati pihak orang tengah sahaja. Di samping itu mereka juga berharap supaya Kerajaan dapat menambahkan lagi bantuan tanaman dan pemulihan kelapa daripada apa yang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu membuat dan menyeru supaya belia-belie mempunyai akhlak yang baik dan kembali kepada tatasusila ketimuran. Tetapi Kerajaan membiarkan dan tidak bertindak akan punca-punca kerosakan akhlak itu. Seumpamanya pihak Kerajaan membiarkan gambar iklan-iklan yang menunjukkan sebahagian tubuh badan wanita cantik yang menjolok mata dan membiarkan penayangan gambar di panggung-panggung wayang gambar yang ada unsur-unsur kelucahan yang boleh ditiru oleh belia-belie kita.

Oleh itu, saya berseru kepada pihak yang bertanggungjawab supaya beberapa keadaan yang tidak sesuai dengan alam kebudayaan negara ini dapat dihapuskan dengan apa cara yang boleh.

Demikian juga penyediaan belia-belie atau pelajar-pelajar yang berhenti sekolah untuk masuk di bidang-bidang kehidupan masyarakat seumpama latihan-latihan asas pertanian moden dan tempatkan mereka di kawasan pertanian dan berikan usaha mereka terus cara yang sesuai dalam bentuk pertanian bagi menambahkan hasil negara. Usaha-usaha mereka itu hendaklah diawasi oleh pegawai-pegawai yang khas ditempatkan dengan tugas memajukan belia-belie tersebut demikian juga dengan bidang-bidang yang lain membolehkan mereka itu sama sahaja keadaannya tanpa perbezaan di antara mereka bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tercatat atau dicatat sahaja pembangunan wilayah Seberang Perak tanpa bantuan di berbagai-bagai bidang, saya rasa kawasan itu masyhur pada namanya sahaja sedangkan peruntukan pembangunan disalurkan kepada negeri pada bidang-bidang yang tertentu terlalu sedikit kerana kawasan di negeri Perak banyak ataupun luas dan jika dipecah-pecahkan adalah merupakan peruntukan penyelenggaraan sahaja. Namun demikian, bagi membangunkan atau mengadakan kemudahan-kemudahan asas ke seluruh negeri Perak masih banyak tertinggal atau ditinggalkan. Ada di antara pegawai atau kakitangan Kerajaan telah merungut menyatakan negeri Perak kaya serba-serbi tetapi pembahagian pembangunan kampung atau wilayah telah ditinggalkan oleh beberapa pihak tertentu. Sungutan ini menyebabkan kehimpitan bagi mendapatkan kemudahan hidup rakyat. Dengan itu saya menyeru dan merayu kepada Kerajaan Pusat dapat kiranya menubuhkan sebuah jawatankuasa khas membuat kajian, penyiasatan di berbagai-bagai bidang kemudahan asas dan salurkan bantuan peruntukan terus kepada daerah-daerah yang patut dibantu di berbagai-bagai bidang tanpa membuat perhitungan untuk mendapatkan keuntungan yang cepat. Kemudahan-kemudahan yang perlu untuk rakyat di perdesaan hendaklah diberikan keutamaan kepada jalan-jalanraya terutama sekali di bidang ekonomi, bekalan air minum, bekalan air sawah, bekalan letrik dan lain-lain kemudahan yang boleh dipergunakan oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan pinjaman luar negeri. Pada saya pinjaman luar negeri itu sangat besar ertinya kerana dengan pinjaman luar negeri ini adalah memberikan untuk membiayai pembangunan negara. Selagi negara-negara lain yang mahu meminjam ataupun memberikan pinjaman kepada negara kita, kita boleh pinjam dengan seberapa banyak yang boleh dan tidak menjadi beban yang begitu besar kepada rakyat yang akan menggunakan kemudahan-kemudahan daripada pinjaman yang diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya rasa dengan terlaksananya sesuatu projek pembangunan di luar bandar dengan cara beransur-ansur dari masa ke masa itu tentulah dapat mencapai cita-cita Kerajaan bagi memperbaiki taraf hidup rakyat dan ekonomi negara ini.

5.55 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan anggaran Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya tertarik hati pada perenggan 15 ucapan beliau di mana beliau menekankan di atas pembasmian kemiskinan. Mungkin satu daripada caranya yang dijalankan sekarang ialah memperbandarkan luar bandar, memodenkan luar bandar. Ini satu perkara yang elok. Misalnya, di setengah-setengah tempat banyak perkara-perkara ini telah dijalankan. Tetapi yang malangnya ada juga setengah-setengah tempat bukan diperbandarkan luar bandar tetapi didirikan bandar yang baharu. Dalam hal ini saya yakin dan percaya bahawa mereka yang miskin tidak akan mendapat faedah langsung daripada projek-projek ini. Apa kata jika bandar-bandar di luar bandar yang ada sekarang diperbesarkan, dipermodenkan dengan memberi keperluan asas, lampu listrik, bekalan air dan sebagainya tetapi jika tujuan memperbandarkan luar bandar dengan mendirikan bandar baharu ditempatkan segala mereka yang berada dan juga pegawai-pegawai Kerajaan saya percaya ini bukan satu cara untuk membasmikan kemiskinan dan meninggikan taraf masyarakat luar bandar. Dalam hal ini juga saya ingin menanya kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, apakah Kementerian beliau buat untuk memajukan luar

bandar selain daripada memberi bantuan kepada new village padahal sekarang Kementerian beliau telah ditukar menjadi Kementerian Perumahan dan Pembangunan Perkampungan, tetapi apa yang saya lihat, apa yang saya ketahui apa-apa bantuan diberi ialah cuma kepada kampung-kampung baru.

Selain daripada itu, saya juga tertarik hati dengan ucapan beliau mengatakan usaha akan digiatkan lagi untuk menggalakkan pihak swasta untuk mendirikan kilang-kilang dan sebagainya. Ini juga saya rasa satu perkara yang elok. Tetapi dalam usaha kita untuk menggalakkan mereka ini mendirikan kilang-kilang samada di bandar atau di luar bandar mereka ini juga mesti diajar supaya menghormati kebersihan alam sekitar kerana kalau kita tak hormat alam sekitar, alam sekitar ini juga akan memusnahkan kita. Ini satu perkara yang mesti ditegaskan dan diterangkan kepada mereka ini. Apa yang berlaku sekarang berkaitan dengan pencemaran alam tidak diendahkan langsung sehingga sungai-sungai bukan kata ikan sahaja yang tidak boleh hidup, manusia pun boleh mati dalam sungai itu. Begitu juga alam sekitar, asap-asap, debu-debu pengeluaran-pengeluaran daripada kilang-kilang ini tidak diambil pedulikan langsung sehingga setengah-setengah tempat penduduk-penduduk sekitar terpaksa memindahkan tempat mereka dan tinggalkan tempat itu kerana suasana begitu buruk sehingga masyarakat miskin luar bandar sendiri tak dapat tinggal di situ lagi. Inilah satu perkara yang saya ingin Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat bukan sebagai perkara jenaka atau untuk kita diketawakan, ini satu perkara yang serious kerana kita mesti mengambil pengalaman daripada negara-negara yang sudah maju sehingga kalau kita tengok dalam ibu kota Tokyo pokok-pokok sendiri sudah jadi gencat (stunted) kerana pencemaran alam tetapi pada mereka ada alasan kerana mereka ialah printis (pioneer) tetapi pada kita, kita mesti mengambil pengalaman, pelajaran, pengajaran daripada mereka itu.

Selain daripada itu berkaitan dengan penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Dalam hal ini saya mengucapkan terima kasih kepada pihak MARA kerana sanggup menyerahkan setengah-setengah daripada kegiatan-kegiatan

MARA kepada kumpulan-kumpulan, syarikat-syarikat bumiputra yang ada kemampuan. Walau bagaimanapun, apabila hendak menyerahkan itu biarlah benda yang hendak diserahkan itu benda yang elok, janganlah benda yang hendak dikondem, misalnya, bas-bas dan lori-lori. Kalau hendak diserahkan juga perkara ini biarlah nilai ini sebagai token.

Berkaitan dengan agensi di mana diberi peluang kepada bumiputra untuk menyertai dalam bidang ini, saya minta Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi syarikat-syarikat besar yang memberi agensi-agensi kepada syarikat-syarikat atau orang-orang perseorangan bumiputra kerana apa yang saya tahu ada penyelewengan dan kekecuan dalam perkara ini. Misalnya, ada satu syarikat di Kedah dan Perlis iaitu menjadi agensi jentera-jentera membajak dan juga ada satu syarikat di Seberang Perai memberi agensi ini juga tetapi bezanya syarikat di Seberang Perai ini ialah syarikat bumiputra, manakala syarikat di Kedah dan Perlis ialah syarikat bukan bumiputra. Jadi kalau memberi agensi untuk benda-benda jentera pertanian kita tahu bahawa Kedah dan Perlis itu boleh dikatakan seluruh kawasan itu ialah kawasan penanaman padi tetapi kalau diberi kawasan Seberang Perai itu untuk bumiputra menjadi agensi jentera pertanian dan mengharap supaya jualannya boleh setanding dengan syarikat yang diberi agensi di Kedah dan Perlis, ini ialah satu perkara yang mustahil. Apabila syarikat bumiputra di Seberang Perai tidak boleh menjual jentera-jentera pertanian dengan memuaskan, timbullah perkataan-perkataan bahawa bumiputra tidak boleh berniaga, padahal kawasan yang diberi kepada syarikat bumiputra ini memang terlalu sempit jika dibandingkan dengan kawasan yang diberi kepada syarikat yang bukan bumiputra. Ini saya minta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengawasi apabila lapuran-laporan diterima mengatakan syarikat-syarikat agensi bumiputra tidak boleh menjalankan perniagaan mesti disiasat apakah sebabnya.

Dalam melaksanakan projek-projek yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, satu perkara yang mustahak pada fikiran saya ialah kecakapan pegawai-pegawai. Dalam hal ini satu perkara yang mustahak dan pada fikiran saya elok difikirkan lagi sekali dan diubah iaitu menghantar pegawai-pegawai kursus di luar negeri,

kursus pendek, misalnya, seminggu atau dua minggu. Apabila kita menghantar pegawai-pegawai ini pada fikiran saya ini ialah satu perkara untuk membazirkan wang rakyat sahaja kerana apabila pegawai-pegawai ini balik bukan dia cerita apa yang dia belajar di sana dalam masa seminggu atau dua minggu itu, dia cuma cerita yang dia pergi ke night-club, dia pergi ke sana dan ke sini sahaja pada hal tujuan pemergiannya itu bukan pergi makan angin tetapi pergi ambil kursus. Jadi apa kata kalau kita buat sebagaimana yang dijalankan oleh setengah-setengah negeri atau negara lain di mana pegawai-pegawai ini dihantar dahulu dengan perbelanjaannya sendiri dan di sana dia akan buat lapuran, apabila dia balik lapuran itu akan dikemukakan kepada jabatannya dan jabatannya akan menilai lapuran itu. Kalau lapuran itu ada nilai barulah diberi wang. Oleh sebab itu kalau kita jalankan macam itu barulah pegawai-pegawai ini apabila dia pergi kursus luar negeri dalam masa seminggu dia betul-betul menjalankan tugas dihantar ke sana dan waktu malam dia tidak akan ada masa untuk hendak pergi ke sana-sini kerana dia akan menyiapkan lapuran-laporan. Ini pada fikiran saya, satu perkara yang elok yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Begitu juga daripada segi pelajaran. Apa yang kita adakan sekarang ini kita belajar boleh dikatakan 10 atau 20 tahun kebelakang, kerana kita cuma baca buku dan buku ini telah ditulis oleh manusia sekurang-kurangnya 10 atau 15 tahun dahulu, jadi pemikiran kita apabila kita belajar di tempat pengajian tinggi sentiasa 10 atau 15 tahun kebelakang. Apa kata jika kita ubah sedikit. Gunakan buku ini sebagai basic sahaja, lepas itu sebelum mereka ini diberi ijazah dan sebagainya dia mesti mencipta satu ciptaan baru, sebagaimana yang dibuatkan kalau tidak silap saya di negara Jepun, Amerika dan lain-lain negeri. Dengan ini barulah pegawai-pegawai kita ini terutama sekali mereka yang lulus daripada tempat-tempat pengajian tinggi bukan sahaja ada academic qualification tetapi juga ada pengetahuan practical kerana dia telah mencipta satu barang yang baru sebelum dia dapat ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan projek-projek yang akan dilaksanakan. Pada fikiran saya cara yang dibuat sekarang tidak sesuai dan tidak menasabah kerana semua projek-projek ini

dan perbelanjaan-perbelanjaan ini ialah untuk kepentingan rakyat. Jadi sebelum projek ini dapat diaturkan terutama sekali kita mesti tahu apakah kemahuan rakyat, janganlah pegawai-pegawai Kerajaan duduk di pejabat dan mendapat ilham untuk apakah projek-projek yang rakyat itu hendak dan kemungkinan pegawai-pegawai ini pergi sendiri ke kampung-kampung mungkin masa tidak ada. Jadi apa kata kalau pendapat-pendapat, fikiran-fikiran, teguran-teguran Wakil-wakil Rakyat juga diambil sebelum projek-projek ini dirancang, dijalankan dan dilaksanakan, tetapi apa yang berlaku sekarang—tidak, kadang-kadang apa-apa projek dalam kawasan saya sendiri—saya sebagai Wakil Rakyat pun tidak tahu. Inilah kepincangan yang berlaku sekarang sehingga kita sendiri jadi Wakil Rakyat dan perbelanjaan ini ialah untuk kepentingan rakyat, Wakil Rakyat sendiri tidak tahu. Bangun pagi sudah ada sebuah post office—terkejut! Inilah yang saya katakan tadi. Sekurang-kurangnya ambil pendapat, seabodoh-bodoh kami sekalipun mungkin sudah tentu ada satu-satu perkara yang boleh diterima dan sebelum kita merancang elok kita bincang dahulu, kalau tidak akan menjadi kepincangan macam saya sebutkan tadi. Janganlah kita sangka bahawa masyarakat-masyarakat terutama sekali petani-petani ini bodoh kerana dalam kebodohan mereka itu juga mungkin ada benda-benda yang boleh dipelajari oleh pakar-pakar daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Misalnya, ada satu perkara masalah masyarakat yang terlibat lebih kurang 150 ekar tanah. Dari pihak pakar-pakar Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya projek ini tidak boleh dijalankan kerana mustahil dapat diimplementasikan kerana sebab-sebab yang tertentu. Ini pendapat mereka. Jadi, perkara ini dijalankan, tolak balik, tolak balik lima atau enam tahun tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan tempat itu tidak mengizinkan. Bukannya dari segi kewangan—tidak. Tetapi sebagai jalan ikhtiar yang terakhir pakar-pakar ini dijemput berjumpa dengan si bodoh-bodoh petani itu. Hasilnya pendapat dan cara-cara yang ditunjukkan oleh petani itu diterima oleh pakar-pakar ini dan alhamdulillah projek itu akan dijalankan. Inilah tanda-tanda, bukti-bukti yang mengatakan sungguhpun kita sebagai pegawai Kerajaan pakar, pandai dalam bidang-bidang tertentu, ada kalanya si bodoh di kampung-kampung itu lebih mengetahui daripada mereka yang di pejabat-pejabat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan kedudukan D.A.C. (District Action Committee). Di manakah kedudukan Jawatankuasa Daerah ini? Apakah nilainya, keputusan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah ini kerana semua perkara kemuskilan rakyat mesti disalurkan melalui Jawatankuasa Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Tindakan Daerah akan mengambil keputusan. Jadi, di manakah nilainya, letaknya keputusan ini? Adakah keputusan ini boleh dijalankan selepas difikir, dibincang ataupun keputusan ini dapat ditolak oleh Pegawai Pembangunan Negeri kerana beliau fikir tidak mustahak. Ini yang saya kurang faham sebab saya juga dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah bagi dua jajahan dan apa yang kita putuskan di situ kerap kali hilang dari minit mesyuarat seperti orang kata mati tidak berkubur. Kalau keputusan Jawatankuasa Tindakan Daerah ini tidak diiktiraf mengapa pula ada Jawatankuasa ini. Adakah tujuan mengadakan Jawatankuasa ini untuk menghabiskan masa tiga jam tiap-tiap kali mesyuarat dan dapat minum teh atau kopi tiap-tiap seseorang ataupun betul-betul untuk menyalurkan dan menyampaikan kemahuan, kepentingan, masalah dan penderitaan masyarakat. Kalau itu yang betul memang wajar sangatlah apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini mesti diterima kerana Jawatankuasa ini mengandungi semua Ketua-ketua Jabatan dalam daerah, Wakil-wakil Rakyat dan sebagainya. Kalau keputusan ini tidak laku, tidak diterima, apakah gunanya kita ada Jawatankuasa Tindakan Daerah di mana Jawatankuasa ini dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Tetapi apa yang berlaku sekarang macam itu juga, kita pergi buang masa tiga jam, bercakap itu lebih kurang, minum teh, masuk minit, kesudahannya bila kita semak balik dua tiga mesyuarat yang kemudian kita dapati perkara-perkara yang kita bawa, keputusan-keputusan itu sudah hilang daripada minit mesyuarat. Inilah satu keganjilan yang pada fikiran saya patut dibetulkan dan saya minta sangat-sangat kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi penjelasan sedikit di atas kedudukan ini sebab kalau Jawatankuasa Tindakan Daerah ini tidak mustahak, tidak guna kita adakan mesyuarat sebab kami ada lain-lain tugas yang lebih mustahak daripada itu, tidak guna kita buang masa tiap-tiap kali mesyuarat tiga atau

empat jam bertengkar, berdebate untuk mendapat keputusan. Apabila dapat keputusan, keputusan ini ditolak atau tidak dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa hairan juga, sebab kalau kita tengok perbelanjaan yang diperuntukkan atau diminta oleh Yang Berhormat Menteri itu begitu banyak. Projek-projek yang besar-besar tetapi malangnya projek-projek yang kecil-kecil sudah tiga empat tahun yang telah diluluskan tetapi tidak dapat dijalankan. Misalnya, projek L.L.N. Apa sebab tidak dapat dijalankan. Tidak ada bekalan, tidak ada raw material, wire tidak ada, kadang-kadang dia pacak tiang sahaja, wire tidak sampai. Pada hal kalau membuka kilang-kilang besar dalam masa sebulan tiang pun ada, wire pun sampai. Ini menjadi satu kesulitan yang amat sangat kepada kami sebagai Wakil Rakyat kerana ini dipertanyakan kepada kami. Sebab masyarakat sekarang walaupun masyarakat luar bandar mereka tidak bodoh. Depa ada mata, mata boleh nampak. Di sini kilang-kilang berjuta-juta ringgit terdiri di sini barangkali bulan depan sudah sampai electricity. Di kampung-kampung sampai tiga empat tahun. Menteri datang kita ceritakan kepada Menteri, beliau kata sabar dahulu, tunggu dahulu. Bila Menteri kata begitu saya ingat lebih kurang dua tiga bulan boleh sampai. Rupanya setahun, dua tahun pun belum lagi. Inilah yang menjadi kemuskilan sebab seperti saya mewakili masyarakat luar bandar saya tidak ada dan orang-orang kawasan saya juga tidak ada impian projek-projek yang berjuta-juta. Apa yang kami hendak cuma projek-projek yang kecil-kecil ini sahaja. Jalan untuk lalu-lalang, air, lampu, itu sahaja. Kami tidak memerlukan segala benda-benda yang keistimewaan sebab kepada kami perkara ini ialah luxury dan kami tidak ada angan-angan cuma perkara-perkara ini sahaja. Tuan Yang di-Pertua, tanah merah, habuk batu, itu sahaja. Sampai begitu perkara tidak boleh juga. Jadi, apakah kita guna ditubuhkan satu Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Pada hal ini ialah kampung. Kalau kemajuan perkampungan mestilah untuk dimajukan kampung itu. Tetapi apakah tindakan Kementerian ini mengatasi masalah ini. Inilah yang jadi kesulitan dan masalah sedikit sebanyak dan saya harap dan percaya dan yakin bahawa mereka yang berkenaan akan mengambil sedikit pandangan dan perhatian, terutama sekali kepada penasihat-penasihat

Kementerian-kementerian yang ada di belakang sana, janganlah sangka bila kita duduk di sini, di pejabat hawa dingin, pakai kereta besar, kita sudah lupa, kerana kebanyakan daripada pegawai-pegawai ini berasal dari situ juga. Tetapi adakah sebabnya bahawa alam sekeliling boleh menukar pegawai-pegawai ini sehingga telah lupa keadaan yang begitu mendesak penderitaan kaum sendiri.

6.19 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya turut membincangkan Anggaran Belanjawan sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb yang lalu dan saya ingin menyatakan bahawa sesungguhnya Belanjawan tahun ini bolehlah dikatakan Belanjawan yang tidak menekan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan juga tidak menekan kepada golongan yang berpendapatan tinggi. Ini saya rasa, adalah satu Belanjawan yang baik memandangkan bahawa ia adalah tahun pertama bagi dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada anggaran-anggaran hasil yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan maka ternyata bahawa sesungguhnya cukai-cukai yang dikenakan kepada rakyat pada tahun hadapan adalah tidak begitu berat, kerana boleh dikatakan cukai yang dikenakan itu merupakan cukai-cukai ke atas barang-barang yang tidak mustahak, tetapi kepada orang yang berada tidak mustahakpun beli juga. Jadi memang benarlah kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa orang yang ada banyak wang amat baik menyumbangkan wangnya untuk negara dengan membayar cukai. Sungguhpun demikian, saya ingin menarik perhatian tentang ada beberapa hal yang saya rasa kurang jelas sedikit berkaitan dengan beberapa cukai dan satu daripadanya mengenai cukai motosikal. Saya rasa motosikal ini kurang wajar kalau sekiranya kita anggap bahawa ini adalah untuk kesenangan, kerana setahu saya motosikal adalah digunakan oleh orang-orang miskin yang merupakan keperluan sahaja iaitu keperluan untuk membawa barang-barangnya untuk dijual ataupun keperluan untuk membuatnya sebagai satu kenderaan yang lebih cepat bagi mereka mencari makan. Kalau sekiranya pihak Kementerian berkenaan mengambil perhatian

hal ini saya rasa amat setuju sekiranya difikirkan pada masa yang akan datang tentang cukai motosikal ini. Saya yakin penuh bawah ramai orang-orang yang mempunyai motosikal tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang berada ataupun orang kaya. Jadi, saya rasa walaupun sekarang benda ini telah dicadangkan tetapi pada masa akan datang harus difikirkan semula.

Dalam hal-hal yang lain, saya ingin menyebutkan berkenaan dengan cukai-cukai yang patut diperhatikan iaitu berkenaan dengan cukai pendapatan di mana peruntukan pelepasan kepada isteri dan anak-anak tidak begitu memuaskan kalau kita bandingkan dengan kos penghidupan yang ada dalam negara kita yang makin bertambah tetapi pelepasan yang diberi kepada peruntukan isteri dan anak ini terlampau kecil. Sebaiknya pihak yang berkenaan mengkaji semula hal ini supaya dapat difikirkan iaitu pemberiannya diberi dengan lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem cukai pendapatan kita patutlah dikaji berkenaan dengan pelepasan berkaitan dengan keperluan-keperluan. Kadang-kadang keperluan ini mengikut keadaan. Kalau sekiranya kita katakan untuk membeli rumah maka boleh juga dimaksudkan keperluan kerana kalau seorang itu masih belum ada rumah ia berpendapatan lebih sedikit tetapi sekarang tidak dijadikan pelepasan bahkan dimasukkan pendapatan yang akan dikenakan cukai pendapatan mengikut akhir tahun. Jadi amat baik kalau difikirkan sesiapa yang belum mempunyai rumah maka boleh dikeluarkan pelepasan bagi membeli rumah mengikut kadar kiraan pendapatan masing-masing. Saya rasa ini harus dianggap baik oleh pihak rakyat negeri ini. Saya dengar ada negeri-negeri lain yang membuat sistem ini iaitu dalam beberapa hal pembelian rumah dijadikan pelepasan dalam kiraan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan sedikit berkenaan bayaran zakat yang dikenakan kepada orang Islam, orang Islam dikenakan zakat mengikut kewajipannya iaitu kalau ia mempunyai wang simpanan yang

banyak maka dikenakan zakat wang. Kalau ia berniaga dikenakan zakat perniagaan. Jadi sistem yang ada di negeri kita sekarang ini perbelanjaan mengeluarkan zakat tidak boleh dipotong dari segi jumlah cukai pendapatan yang dikenakan tetapi boleh juga dimasukkan dalam kos perbelanjaan yang dikeluarkan. Jadi, saya rasa inipun kurang adil kerana orang-orang Islam sekarang ini menanggung beban yang berat iaitu terpaksa membayar cukai pendapatan samada ianya gaji, samada ianya berniaga dan juga ia terpaksa sebagai seorang Islam membayar zakat. Jadi saya fikir kalau sekiranya sistem ini boleh dikaji oleh pihak Perbendaharaan agar zakat ini boleh dipotong dari jumlah cukai pendapatan yang dikenakan, ini saya rasa mengembirakan orang Islam yang melibatkan diri dalam bidang ekonomi kerana keadaan sekarang kita menggalakkan orang-orang Islam dan orang-orang Melayu melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan perdagangan maka berkewajipanlah mereka mengeluarkan zakat di samping mengeluarkan cukai-cukai samada cukai pendapatan dan sebagainya. Jadi ini baik, Tuan Yang di-Pertua, kerana di samping kita majukan ataupun kita sumbangkan kepada negara, kita sumbangkan juga kepada ugama. Jadi kalau sekiranya kita kenakan sebagaimana yang ada sekarang ertinya kita kurang adil sedikit, sebab mereka mengalami beban yang berat. Jadi saya kira untuk menggalakkan orang-orang Melayu dan orang-orang Islam menciburkan diri dalam lapangan perniagaan amat baik kiranya kita jalankan atau kita ubah sistem sebagaimana apa yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ingin saya membangkitkan berkenaan dengan perkara-perkara yang lain pula dalam beberapa hal dalam bidang pembangunan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara itu pada petang esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.